



فليتا بروني  
PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.58 | SUBUH 5.08 | SYURUK 6.31 | DUHA 6.55 | ZUHUR 12.28 | ASAR 3.50 | MAGHRIB 6.22 | ISYAK 7.37 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 4

8 JANUARI 2025 / 1446

رجب

8

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

MANISNYA IMAN  
"DARI Abu Hurairah Radiallahuanhu ia berkata : Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya : "Barang siapa suka supaya dimakbulkan doanya oleh Allah Subhanahu Wata'ala di waktu kesulitan dan kesusahan, maka hendaklah dia memperbanyakkan doa di waktu senang". (Riwayat Al-Imam At-Termizi).



# TINJAU PELAKSANAAN AKTIVITI KEMASUKAN PELAJAR BAHARU KE PERSEKOLAHAN ARAB

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan Lawatan Kerja ke Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan.



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Januari. - Bersempena pendaftaran dan kemasukan pelajar-pelajar Sanah 5 ke Persekolahan Arab bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi,

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman mengadakan Lawatan Kerja ke Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan, pagi tadi.

Seramai 190 pelajar perempuan telah menerima tawaran kemasukan ke Sanah 5 di sekolah berkenaan. Pada lawatan tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengadakan lawatan ke tiga buah kelas Sanah 5 Sesi Tahun 1446H / 2025M.

Turut hadir dalam rombongan Menteri Hal

Ehwal Ugama ini ialah pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). Terdahulu diadakan Sesi Taklimat bagi ibu bapa dan penjaga di Dewan Besar sekolah berkenaan diikuti dengan sesi pendaftaran

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman  
pelajar-pelajar Sanah 5 di kelas masing-masing.  
[>> Muka 2](#)

## Lawatan Kerja tinjau prasarana, pelaksanaan sesi pembelajaran

Siaran Akhbar :  
Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Januari. - Sempena permulaan persekolahan bagi Tahun Akademik 2025, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan rombongan telah mengadakan Lawatan Kerja ke tiga buah sekolah di Daerah Brunei dan Muara iaitu Sekolah Menengah Berakas, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien dan Sekolah Menengah Menglait.

Antara tujuan Lawatan Kerja ini adalah untuk meninjau dan menyaksikan secara lebih dekat pelaksanaan aktiviti-aktiviti kembali ke sekolah, meninjau prasarana dan kemudahan sekolah dan pelaksanaan mata pelajaran STEAM (STEAM Education and Skills, SES).

Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan rombongan memulakan Lawatan Kerja ke Sekolah Menengah Berakas dan dialu-alukan oleh pengetua sekolah berkenaan, Awang Alexander bin Bandang.

[>> Muka 5](#)

## Penandatanganan perjanjian usaha sama bagi penubuhan BRE

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

**JERUDONG,** Selasa, 7 Januari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Dana Modal Pembangunan Strategik (Strategic Development Capital Fund - Dana SDC), Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, memeterai Perjanjian Usaha Sama dengan Syarikat Rotary Engineering Pte Ltd (Rotary), sebuah

syarikat yang beribu pejabat di Republik Singapura bagi penubuhan sebuah syarikat usaha sama yang akan menyediakan perkhidmatan Penyelenggaraan, Kejuruteraan, Perolehan, dan Pembinaan dan Pentaulihan (EPCC) di Negara Brunei Darussalam (NBD).

[>> Muka 4](#)

## Manfaatkan sumber, peluang, rangkaian yang disediakan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

**TUNGKU LINK,** Isnin, 6 Januari. - Niat yang jelas dalam menuntut ilmu adalah perkara yang sangat penting bagi mahasiswa dan mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Bagi pelajar UBD, niat yang jelas akan membantu mereka mencapai kejayaan yang lebih besar kerana ilmu yang mereka tuntut bukan hanya untuk kepentingan diri tetapi kesejahteraan semua.

Perkara demikian dijelaskan oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle semasa menyampaikan ucapan khas pada Majlis Minggu Pelajar Baharu

Sesi Akademik 2024 / 2025 Pengambilan Januari 2025 yang berlangsung di Dewan Canselor UBD, hari ini.

"Sesuaikan diri dengan cepat dan membina asas yang kukuh iaitu untuk pembelajaran dan penyelidikan yang bermanfaat. Saya menggalakkan para pelajar semua untuk terus mengekalkan rasa ingin tahu yang tinggi terhadap dunia di sekeliling awda."

[>> Muka 6](#)



## Berita Utama



PENYAMPAIAN hadiah Program Pusat STEP  
[Muka 8](#)



SEKOLAH PGGMB Sungai Akar adakan sesi taklimat bagi pelajar baharu  
[Muka 11](#)



MURID pra memulakan sesi persekolahan  
[Muka 19](#)



RENCANA KONGSI perjalanan melawan kanser melalui buku 'Battle Scars of Hope'  
[Muka 20](#)

# Tinjau pelaksanaan aktiviti kemasukan pelajar baharu ke persekolahan Arab



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan lawatan ke salah sebuah kelas di Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan.

>> Muka 1

Lawatan berkenaan merupakan acara tahunan KHEU bagi meninjau pelaksanaan aktiviti-aktiviti kemasukan pelajar-pelajar baharu

ke Persekolahan Arab di samping melihat secara dekat prasarana dan kemudahan sekolah bagi memastikan pencapaian pendidikan berkualiti tinggi.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman


 مجلس السلامة على الطرق  
NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL  
BRUNEI DARUSSALAM

**Hari itu adalah hari terakhirnya menaiki basikal.**

Lelaki, 49 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya


[www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn)

WAKTU SEMBAHYANG										
JANUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	RABU	8	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.50	6.22	7.37
9	KHAMIS	9	4.59	5.09	6.32	6.56	12.28	3.50	6.23	7.37
10	JUMAAT	10	4.59	5.09	6.32	6.56	12.29	3.51	6.23	7.37
11	SABTU	11	5.00	5.10	6.32	6.56	12.29	3.51	6.24	7.38
12	AHAD	12	5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.51	6.24	7.38
13	ISNIN	13	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39
14	SELASA	14	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU Bandar Seri Begawan	KHAMIS	JUMAAT
30 25 °C Pekan Bangar	31 24 °C Pekan Tutong	31 24 °C Kuala Belait
30 25 °C WallahuAlam Bissawab	31 24 °C WallahuAlam Bissawab	31 25 °C WallahuAlam Bissawab
30 25 °C Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	31 24 °C Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	31 24 °C Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 8 JANUARI 2025

### Kembali ke sekolah dengan nilai, emosi yang baik

BILA bercakap tentang anak-anak untuk kembali ke sekolah, pastinya ibu bapa sibuk menyediakan persediaan dari segi kelengkapan anak-anak ke sekolah seperti baju, kasut, beg sekolah, buku tulis, kelengkapan menulis dan sebagainya. Paling penting, ibu bapa juga perlu bersedia untuk memikirkan pengangkutan, peneman atau penjaga anak-anak selepas mereka pulang dari sekolah.

Namun, tahukah awda bahwa persediaan mental dan emosi untuk anak-anak juga penting sebelum mereka kembali ke sekolah? Lebih-lebih lagi jika anak awda pertama kali mahu melangkahkan kaki ke alam persekolahan serta anak-anak yang berpindah ke sekolah baharu.

Oleh itu, wujudkan rutin tetap untuk bersedia ke sekolah. Jangan lupa untuk latih anak awda tidur pada waktu yang tetap bagi memastikan mereka mendapatkan tidur mencukupi pada waktu persekolahan.

Dengan adanya rutin ini, anak awda akan lebih bekerjasama, kurang bimbang serta membina keyakinan mereka untuk kembali ke sekolah. Secara tak langsung, ia mengajar mereka untuk lebih berdikari dan bertanggungjawab terhadap mengikut rutin dan mematuhi masa.

Bagi anak-anak yang pertama kali bersekolah atau berpindah ke tempat baharu, mereka mungkin menghadapi kerisauan atau takut untuk bergaul dengan orang baharu. Oleh itu, awda boleh ambil langkah dengan bincangkan perkara positif yang bakal mereka lalui atau alami di sekolah, contohnya dapat membuat ramai kawan baharu dan rasa persekitaran baharu yang mungkin akan menggembirakan mereka.

Jika anak awda bertanya tentang sekolah, guru, rakan-rakan dan sebagainya, jangan biarkan persoalan mereka tergantung. Sebaliknya, jawablah segala persoalan mereka. Yakinkan mereka bahawa semuanya akan berjalan lancar dan awda sentiasa bersedia membantu mereka jika mempunyai sebarang kesulitan.

Ingin bawa setiap kata-kata awda mempengaruhi mental dan emosi anak-anak. Elakkan daripada membuat kenyataan bersifat negatif dan buruk mengenai persekolahan untuk menakut-nakutkan anak, contohnya memberi amaran akan dirotan oleh guru jika berperangai buruk atau tidak menyiapkan kerja sekolah.

Anak awda pemalu dan segan untuk bergaul dengan orang? Ambil langkah dengan mengajar anak awda tentang kemahiran sosial, menyelesaikan masalah dan meleraikan konflik untuk kesihatan mental mereka yang baik. Kebanyakan nilai ini boleh diajar dengan memberi beberapa tanggungjawab di rumah yang berpadanan dengan umur, aktiviti bermain tidak berstruktur untuk menggalakkan pembabitan mereka bersosial.

Persediaan mental boleh memberi banyak manfaat dalam membantu anak awda menyesuaikan diri. Di samping persediaan sosial dan fizikal, pembabitan awda akan memberi banyak kelebihan kepada anak awda berbanding rakannya. Mempunyai asas yang teguh dari awal akan membantu anak awda mendapat pengalaman persekolahan dan kehidupan yang lebih bermakna dan produktif. - Ketua Penyuntingan (Zk)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله قرینت ٹلس سندیرين بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Pantau lebih dekat pembelajaran persekolahan ugama

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Alishahrin Haji Mumin



SERIA, Selasa, 7 Januari. -Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato

Paduka Haji Awang Othman meneruskan lagi Sesi Lawatan Kerja petang tadi ke Sekolah Ugama (SU) Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah,

Seria, di sini.

Kehadiran rombongan dialu-alukan oleh Guru Besar SU Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Dayang Hajah Zahrah binti Yahya.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama memulakan lawatan ke bilik-bilik darjah dan berpeluang berinteraksi dengan murid-murid dan guru-guru secara lebih dekat.

Lawatan diakhiri dengan sesi muzakarah bersama pihak pentadbiran sekolah. Lawatan tersebut merupakan acara tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bersempena permulaan Sesi Persekolahan Ugama Penggal Pertama bagi Tahun 2025 dan untuk meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di persekolahan ugama.

Di samping itu juga bagi menyaksikan lebih dekat prasarana dan kemudahan sekolah agar kondusif untuk warga sekolah yang secara tidak langsung membantu dalam pencapaian pendidikan ugama



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa berinteraksi bersama para pelajar semasa Sesi Lawatan Kerja ke Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Seria (kiri dan atas).

yang berkualiti tinggi dan berkesan.

Turut hadir semasa lawatan kerja tersebut, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar

dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, pegawai-pegawai kanan dan para pegawai dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

# TERAP PRINSIP, NILAI KEAGAMAAN SEBAGAI PANDUAN KEHIDUPAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan Sesi Lawatan Kerja dan meninjau lebih dekat sesi pembelajaran berkenaan.

panduan kehidupan.

Berucap semasa Sesi Lawatan Kerja ke Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, di Daerah Temburong, Yang Berhormat seterusnya menekankan kepentingan mendalamai pengetahuan ugama untuk belajar dan memahami perbahasan ulama agar tidak taasub dengan satu aliran.

Tambah Yang Berhormat lagi, sekolah ugama mengajar secara formal dan akan diamalkan dalam kehidupan kita sebagaimana yang diajarkan di sekolah ugama, diamalkan di rumah dan diamalkan secara syiarnya, iaitu di masjid-masjid dan diraikan pelajaran dan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa berucap pada lawatan berkenaan.

meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di persekolahan ugama di samping menyaksikan lebih dekat prasarana dan kemudahan sekolah bagi memastikan penyediaan dan pencapaian pendidikan ugama yang berkualiti tinggi dan berkesan.

## ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

**BARU**

سوروهنجای فرخدمتن عوام  
SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

### PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah  
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan  
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



### PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi  
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan  
(Sijil berhenti Sekolah)



### PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan  
memandangkan “✓” pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai laktungan kerjaan / tempoh kerja yang teratur / tirikh mulai dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



### PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



### PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



# MEWUJUDKAN HAB KEJURUTERAAN MANTAP DI NBD



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa berucap.

JERUDONG, Selasa, 7 Januari. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata, penandatanganan perjanjian usaha sama antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Syarikat Rotary Engineering Pte Ltd (Rotary) ini menandakan permulaan usaha sama yang akan membawa perkhidmatan kejuruteraan dan penyelenggaraan bertaraf dunia kepada syarikat-syarikat tempatan dan syarikat serantau dengan tumpuan ke arah meningkatkan kecekapan operasi, mengurangkan kos dan menyampaikan perkhidmatan piaawai tertinggi melalui amalan terbaik industri yang sudah terbukti.

Berucap pada Majlis Penandatanganan Perjanjian Usaha Sama antara Dana Modal Pembangunan Strategik,

Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Rotary Engineering Pte Ltd di The Empire Brunei, pagi tadi, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menjelaskan bahawa perkongsian ini bertujuan untuk mewujudkan hab kejuruteraan yang mantap di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan menawarkan ilmu serta pemindahan teknologi yang tidak ternilai kepada tenaga kerja tempatan, termasuk menyediakan perkhidmatan khusus latihan di luar negara, memastikan tenaga kerja tempatan dilengkapi dengan kemahiran dan kepakaran yang diperlukan untuk berkembang maju dalam keadaan yang semakin meningkat pasaran global yang kompetitif.

"Selain itu, dengan bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan kejuruteraan tempatan dan institusi pengajian tinggi, kami sedang membuka jalan untuk sinergi yang

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohamad Hasif Matzin

lebih besar dan pertumbuhan bersama.

"Di luar sempadan kita, perkongsian ini menyediakan tempat bagi pengembangan ke pasaran serantau dan antarabangsa, dengan itu juga menggalakkan syarikat tempatan dan bakat-bakat kita untuk mencari peluang baharu luar negara, meluaskan jangkuan dan mencipta nama di peringkat global," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, perjanjian ini juga menekankan komitmen kerajaan yang tidak berbelah bahagi dalam memupuk Pelaburan Langsung Asing yang strategik yang selaras dengan Pelan Tindakan Ekonomi dan menyokong usaha dalam mempelbagaikan ekonomi.

Terdahulu Yang Berhormat menyatakan, rekod prestasi

ceremang Rotary dalam menyampaikan projek merentas pelbagai serantau dan komitmen mereka terhadap keselamatan dan kualiti menjadikan mereka rakan yang ideal, bukan sahaja dalam misi untuk memupuk kemajuan ekonomi dan memartabatkan industri tempatan tetapi juga untuk membangunkan keupayaan kejuruteraan tempatan kita.

"Oleh itu, kami berbesar hati dapat bekerjasama dengan syarikat yang bereputasi seperti Rotary Engineering. Bersama-sama, insyaaAllah, kita akan meletakkan asas untuk masa depan yang sejahtera untuk negara dan syarikat. Saya mengharapkan kejayaan usaha sama ini dan banyak lagi peluang kerjasama pada tahun-tahun akan datang," ujar Yang Berhormat lagi.

## Penandatanganan perjanjian usaha sama bagi penubuhan BRE

>> Muka 1

Syarikat usaha sama yang diberi nama Brunei Rotary Engineering Sdn. Bhd. (BRE) ini akan menawarkan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat di NBD, terutama sekali dalam Sektor Minyak dan Gas yang bertujuan untuk mengurangkan kos operasi syarikat-syarikat berkenaan dan seterusnya akan mengembangkan perkhidmatannya ke negara-negara di sekitar wilayah Borneo.

Penubuhan BRE ini juga menekankan komitmen berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memupuk bakat tempatan. Kerjasama ini akan turut menawarkan kurikulum teknikal dan peluang latihan yang berkaitan termasuk penempatan ke projek-projek di luar negara bagi meningkatkan tahap kemahiran dalam kalangan anak-anak tempatan.

Majlis Penandatanganan Perjanjian Usaha Sama tersebut berlangsung di The Empire Brunei, di sini. Penandatanganan perjanjian ini disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Peguam Negara, Yang Berhormat

Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib; dan Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi.

Menandatangi bagi pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi ialah Ketua Bahagian Pelaburan, Bahagian Pelaburan, Awang Ahmad Fathi bin Dato Paduka Haji Junaidi dan Ketua Bahagian Operasi, Bahagian Pelaburan, Pengiran Noreen binti Pengiran Dato Paduka Haji Md. Zain, manakala Rotary diwakili oleh Pengurusnya, Roger Chia Kim Piow dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Koh Chun Peng.

Rotary yang ditubuhkan pada tahun 1972 bermula sebagai sebuah kontraktor elektrik dan Instrumentasi dan seterusnya berkembang menjadi sebuah syarikat yang turut terlibat dalam pembangunan Pulau Jurong di Republik Singapura sebagai sebuah hab minyak dan gas global yang memberi perkhidmatan kepada syarikat-syarikat minyak dan gas antarabangsa yang terkemuka.

Rotary kini merupakan antara sebuah syarikat perkhidmatan minyak dan gas terbesar yang juga turut memberi perkhidmatan kepada industri farmaseutikal.

Dengan tenaga kerja global lebih daripada 6,000 orang, Rotary beroperasi di 16 negara dan telah berjaya untuk menyampaikan projek-projek pada piawaian antarabangsa tertinggi di seluruh wilayah Asia Pasifik dan Timur Tengah.



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menyaksikan Penandatanganan Perjanjian Usaha Sama yang berlangsung di The Empire Brunei (atas). Sementara gambar bawah kiri, turut hadir ialah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Peguam Negara dan Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri.

## MAKLUMAN TERKINI



Alhamdulillah, terima kasih atas sambutan yang sangat menggalakkan terhadap Kalender Tahun 2025 terbitan Jabatan Penerangan.

**Dimaklumkan bahawa stok kalender kini semakin terhad.**

Sehubungan itu, tarikh dan waktu pengedaran kalender dikemas kini kepada:

**Rabu, 8 Rejab 1446H bersamaan 8 Januari 2025M, jam 1.30 petang sehingga 3.30 petang (tertakluk kepada stok kalender).**

Lokasi-lokasi pengedaran:

- Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Daerah Brunei dan Muara.
- Cawangan Penerangan Daerah Belait, Jalan Lorong Bolkiah, Seria, Daerah Belait.
- Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan, Daerah Tutong.
- Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan, Bangar, Daerah Temburong.



Jumlah Kalender adalah TERHAD

Pengedaran Kalender sehingga kalender habis

Kalender juga tersedia dalam bentuk PDF dan boleh didapatkan dengan mengimbas KOD QR

[www.information.gov.bn](http://www.information.gov.bn) | [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept\_bn

# LAWATAN KERJA TINJAU PRASARANA, PELAKSANAAN SESI PEMBELAJARAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyaksikan secara lebih dekat sesi pengajaran dan pembelajaran serta berinteraksi dengan para pelajar di Sekolah Menengah Menglait (atas), manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengadakan Lawatan Kerja ke Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien dan Sekolah Menengah Berakas.

**■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

## >> Muka 1

Lawatan diteruskan ke Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien, di mana ketibaan Yang Berhormat dialu-alukan oleh pengetua sekolah tersebut, Awang Mohamed Santra bin Haji Bolhasan.

Lawatan berakhir di Sekolah Menengah Menglait dengan ketibaan Yang Berhormat dialu-alukan oleh pengetua

sekolah berkenaan, Awang Huzaimi bin Moksin.

Semasa lawatan ke sekolah-sekolah tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan berpeluang untuk menyaksikan secara lebih dekat pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran serta berinteraksi dengan para guru dan pelajar.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga telah meninjau prasarana sekolah yang sedia ada



bagi memastikan ia adalah kondusif untuk mendukung sesi pengajaran dan pembelajaran.

Turut menyertai rombongan ini ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan

dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta ketua-ketua jabatan dari Kementerian Pendidikan.

## Memastikan penyediaan kemudahan sekolah bagi kesejahteraan guru, pelajar



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwel Ugama bergambar ramai semasa mengadakan Lawatan Kerja ke Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB) di Kampung Rimba.

**■ Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

RIMBA, Selasa, 7 Januari. - Seramai 189 pelajar lelaki telah menerima tawaran kemasukan ke Sanah 5 di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB) di Kampung Rimba.

Bagi meninjau sesi pendaftaran dan kemasukan pelajar-pelajar baru tersebut ke persekolahan Arab bagi Tahun 2025 khususnya di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwel Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim telah mengadakan Lawatan Kerja ke sekolah tersebut, pagi tadi.

Selain untuk melihat lebih dekat,

lawatan juga bertujuan untuk memastikan penyediaan infrastruktur dan kemudahan di SASHHB bagi kesejahteraan tenaga pengajar dan para pelajar yang secara tidak langsung membantu ke arah mencapai pendidikan yang berkualiti tinggi.

Lawatan diakhiri dengan Sesi Muzakarah bersama pihak Pentadbiran SASHHB yang juga disertai oleh Pengetua SASHHB, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd. Noor.

Pada tahun ini, sebanyak sembilan kelas disediakan bagi para pelajar Sanah 5 yang baru.

SASHHB dilengkapi dengan Kelas, Bilik Guru, Bilik Muzakarah, Perpustakaan, Makmal Sains, Makmal Bahasa, Makmal Komputer, Mussola, Dewan Serbaguna, Auditorium, Dewan Makan, Kantin, Padang, Gelanggang Sukan dan Asrama.

Turut hadir dalam lawatan tersebut, para pegawai dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwel Ugama menyaksikan lebih dekat sesi pembelajaran di sekolah berkenaan.

# MANFAATKAN SUMBER, PELUANG, RANGKAIAN YANG DISEDIAKAN



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berucap pada majlis berkenaan.

## >> Muka 1

"Setiap soalan dan pencarian jawapan yang dilakukan bukan sahaja akan memberikan sumbangan besar kepada bidang masing-masing, tetapi juga memberi impak positif kepada masyarakat dan dunia secara keseluruhan," tambahnya.

Bagi yang belajar secara *part time* jelasnya lagi, bijaklah menguruskan masa agar dapat menyeimbangkan antara akademik

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Mohamad Hasif Matzin

dan komitmen lain dengan cekap dan efisien. Salah satu matlamat utama pengajian di universiti adalah untuk memupuk potensi diri para pelajar.

Dr. Hazri menekankan bahawa setiap individu mempunyai potensi yang unik. Setiap pelajar mempunyai kelebihan dan kekuatan yang berbeza. Ada yang mungkin menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik, manakala yang lain mungkin lebih berbakat dalam aspek kemahiran sosial atau kepimpinan.

Ini bermakna, tambahnya kita perlu menyedari bahawa setiap orang berpotensi untuk berkembang dan berjaya mengikuti jalan mereka sendiri. Jelasnya lagi, sekarang kita berada di persimpangan di mana evolusi teknologi yang pesat dan dinamik global yang berubah-ubah membentuk fabrik kehidupan kita.

Sebagai pelajar katanya, mereka perlu memasuki dunia di mana pembelajaran tidak lagi terhad kepada buku teks atau bilik darjah. Pengetahuan berada

di hujung jari mereka, tetapi dengan akses ini terdapat tanggungjawab untuk membezakan, soalan dan menyesuaikan diri.

Bagi kakitangan UBD tegasnya, ini bermakna mencari cara baharu untuk mengajar, memberi inspirasi dan melibatkan diri dengan pelajar yang hidup dalam dunia di mana perubahan adalah satu-satunya yang berterusan.

Cara kita mendidik tambahnya lagi mesti berkembang sama seperti dunia di sekeliling kita. Menerima alat dan platform digital yang menjadikan pembelajaran lebih interaktif dan mudah diakses, tetapi sentiasa berpegang pada prinsip integriti, sifat ingin tahu dan pemikiran kritis.

Cabarannya yang kita hadapi hari ini amat ketara daripada tekanan pasaran kerja yang berubah pesat kepada kesan konflik global terhadap ekonomi dan masyarakat, realitinya jelas, kita sedang memasuki dunia yang tidak menentu.

Tetapi dengan adanya cabaran, peluang akan datang dan masa

depan tidak akan menunggu kita untuk mengejarnya. Oleh itu, pelajar diseru untuk memanfaatkan sepenuhnya sumber, peluang dan rangkaian yang disediakan oleh universiti.

Dr. Hazri juga mengetengahkan mengenai perkara penting iaitu kepentingan keseimbangan dalam kehidupan universiti. Kedua-dua pelajar dan fakulti menghadapi pelbagai tekanan yang semakin meningkat, daripada tuntutan kejayaan akademik kepada keperluan untuk kesejahteraan diri.

Landscape kehidupan universiti tambahnya menjadi lebih kompleks berbanding sebelum ini. Sebagai tindak balas kepada cabaran ini, UBD berhasrat untuk menjadi sebuah universiti yang sihat, secara aktif memupuk kedua-dua

pertumbuhan intelektual dan peribadi komunitinya.

Universiti mengakui bahawa kesejahteraan holistik adalah sama pentingnya dengan pencapaian intelek, ujarnya. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, tegasnya institusi akademik semakin mengiktiraf peranan kritis kesihatan mental dalam memupuk komuniti yang berkembang maju.

"Pelajar hari ini menghadapi tuntutan akademik yang ketat di samping perjuangan peribadi, menekankan keperluan untuk daya tahan emosi yang teguh dan sistem sokongan yang komprehensif," katanya. Oleh itu, UBD mesti mengutamakan keimbangan ini dengan memupuk persekitaran yang secara aktif menggalakkan kesejahteraan mental, emosi dan fizikal.



NAIB Canselor UBD merasmikan Majlis Minggu Pelajar Baharu Sesi Akademik 2024 /2025 Pengambilan Januari 2025.

rasmi permulaan perjalanan akademik mereka di UBD.

Minggu Pelajar Baharu yang diadakan selama lima bermula hari ini hingga 10 Januari 2025 ini diisi dengan pelbagai aktiviti dan sesi maklumat yang direka untuk membantu pelajar baharu menavigasi kehidupan universiti.

Ketua program dari pelbagai fakulti akan memperkenalkan pelajar kepada modul-modul yang ditawarkan, pendaftaran kursus, dan persiapan untuk semester pertama.

Para pelajar juga akan mempelajari mengenai Program Discovery Year UBD serta pelbagai aktiviti kokurikulum yang tersedia untuk meningkatkan pengalaman

universiti mereka.

Selain itu, sesi pencerahan rohani, termasuk Kembara Al-Quran yang diketuai oleh Pegawai Ugama UBD, akan membimbing pelajar tentang kepentingan pertumbuhan rohani dalam kehidupan akademik dan peribadi mereka.

Acara kemuncak Minggu Pelajar Baharu tahun ini ialah ceramah kesihatan mental dan sesi mengenai perkhidmatan kaunseling UBD, yang bertujuan untuk mempromosikan kesejahteraan pelajar dan menonjolkan komitmen universiti untuk menyokong kesihatan mental mereka sepanjang perjalanan akademik mereka.



LAFAZ ikrar diketuai oleh Awang Meyzah Shahrurie Abdul Rahman iaitu pelajar Fakulti of Science (FOS) pengambilan Januari (atas). Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

**TUNGKU LINK**, Isnin, 6 Januari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) memulakan Minggu Pelajar Baharu Sesi Akademik 2024 /2025 Pengambilan Januari 2025 yang berlangsung di Dewan Canselor UBD, hari ini.

Seramai 377 pelajar baharu terdiri daripada 10 pelajar akan melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Falsafah Kedoktoran (PhD), 118 pelajar Ijazah Sarjana, 174 pelajar Ijazah Sarjana Muda, 26 pelajar yang terpilih mengikuti Program Unibrige, sembilan pelajar Micro-Degree pembelajaran sepanjang hayat dan 40 pelajar Non-Graduating.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Dekan Pelajar UBD, Bahagian Hal Ehwal

Pelajar, Dr. Mursidi bin Haji Ali.

Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa melalui aktiviti-aktiviti Minggu Pelajar Baharu ini, pelajar akan diperkenalkan kepada kehidupan yang dinamik di UBD. Pelajar akan meneroka laluan akademik dan sosial yang akan membentuk perjalanan universiti mereka.

Selain itu tambahnya, pelajar juga akan diberi taklimat mengenai pendaftaran modul, menyertai aktiviti KenaliUBDku, berinteraksi dengan ahli fakulti dan persatuan pelajar serta menerokai pelbagai kelab dan aktiviti pelajar yang tersedia.

"Di UBD, kami percaya bahawa pendidikan merentasi ruang bilik darjah dan kuliah. Diluar akademik, aktiviti kokurikulum menyediakan peluang keemasan untuk

mendedahkan semangat dan mengembangkan bakat pelajar serta berhubung dengan komuniti yang menaikkan dan memberi inspirasi kepada mereka," jelas beliau.

Oleh itu, beliau menyarankan para pelajar untuk keluar dari zon selesa mereka dan mencuba sesuatu yang baharu serta melibatkan diri sepenuhnya dalam segala yang ditawarkan oleh pihak UBD.

"Pengalaman-pengalaman ini bukan sahaja akan menjadikan kehidupan universiti awda lebih menyeronokkan, malah akan menjadi asas untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan," ujarnya.

Dr. Mursidi juga menggesa untuk para pelajar mendekati teknologi terutama Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) dengan pertimbangan dan tanggungjawab.

"Walau pun AI dapat meningkatkan kerja awda, adalah penting untuk mengekalkan integriti akademik dengan memastikan bahawa usaha awda adalah jujur, asli dan mencerminkan kebolehan awda sendiri."

"Perlu diingat bahawa teknologi tidak akan dapat meniru kreativiti dan otak manusia. Oleh itu, ia hanya perlu digunakan untuk mempertingkatkan kecerdasan awda, bukan mengantikan ia," tegas beliau.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan melaflazkan ikrar diketuai oleh Awang Meyzah Shahrurie Abdul Rahman iaitu pelajar Fakulti of Science (FOS) pengambilan Januari. Ini menandakan secara

# LAWATAN PASTIKAN KEMASUKAN PELAJAR BAHARU BERJALAN LANCAR

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Selasa, 7 Januari. - Sekolah Arab Belait hari ini menerima pendaftaran dan kemasukan pelajar-pelajar baharu



## Tinjau pelaksanaan kemasukan pelajar baharu



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Lawatan Kerja ke Ma'had Islam Brunei di Daerah Tutong.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Selasa, 7 Januari. - Ma'had Islam Brunei di Daerah Tutong hari ini menerima pendaftaran dan kemasukan pelajar-pelajar baharu Sanah 5 bagi Tahun 2025.

Seramai 50 orang pelajar terdiri daripada 28 orang pelajar lelaki dan 22 orang pelajar perempuan telah menerima tawaran kemasukan ke Ma'had Islam Brunei.

Sehubungan itu, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim pagi tadi mengadakan Lawatan Kerja ke sekolah

berkenaan. Tujuan lawatan adalah untuk melihat pelaksanaan sesi pendaftaran dan kemasukan

pelajar perempuan telah menerima tawaran kemasukan di Sekolah Arab Belait bagi tahun ini.

Sehubungan itu, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, pagi tadi mengadakan Lawatan Kerja ke sekolah berkenaan. Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau pelaksanaan proses pendaftaran dan kemasukan pelajar-pelajar baharu ke Sekolah Arab Belait.

Selain itu, untuk melihat secara lebih dekat beberapa prasarana dan kemudahan yang disediakan di sekolah berkenaan bagi memastikan penyediaannya dapat memberi kesejahteraan kepada para tenaga akademik dan penuntut serta membantu menyumbang kepada pencapaian pendidikan yang berkualiti tinggi. Turut hadir semasa lawatan termasuk pegawai-pegawai dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU.



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan Lawatan Kerja ke Sekolah Arab Belait (atas), manakala gambar kiri, antara pelajar yang diterima masuk ke sekolah berkenaan.

## Permohonan Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat ITQSHHB dibuka

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Januari. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) membuka taruhan pengambilan siswa-siswi baharu bagi Program Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, ITQSHHB bagi Sesi Pengajaran 2025 - 2028 bermula Rabu, 8 Januari 2025 hingga Sabtu, 1 Februari 2025.

Taruhan pengambilan siswa-siswi baharu bagi Program Tertinggi Diploma 'Aliyah Qiraat ITQSHHB Sesi Pengajaran 2024 - 2027 berkenaan dibuka kepada semua warga dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam (NBD) yang beragama Islam.

Pemohon hendaklah memperoleh pangkat kredit bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa Cambridge (GCE 'O' Level); memperoleh sekurang-kurangnya empat Jayyid (baik) dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) termasuk Jayyid (baik) dua mata pelajaran teras, iaitu Al-Quran dan Bahasa Arab atau Jayyid (baik) dalam dua mata pelajaran wajib, iaitu Tafsir / Hadith / Fiqh / Tauhid / Tarikh dan yang sebanding dengannya atau sekurang-kurangnya empat kredit dalam Peperiksaan GCE 'O' Level atau International General Certificate Of Secondary Education IGCSE Level atau yang sebanding dengannya termasuk kredit C6 dalam mata pelajaran Bahasa Arab; telah hafaz sekurang-kurangnya 10 Juzuk Al-Quran adalah satu kelebihan; lulus temu duga kemasukan Diploma 'Aliyah Qiraat; dan mempunyai akun kesihatan dari Pusat Kesihatan kerajaan yang diiktiraf.

Bagi yang bukan rakyat NBD (ibu atau bapa bertugas di jabatan kerajaan atau Government Linked Companies di NBD) yang berminat dan berkelayakan, bolehlah memohon dengan membuat Surat Permohonan Khas kepada Pengurus Lembaga ITQSHHB melalui pengetua institut.

Borang permohonan boleh diperoleh di pejabat ITQSHHB, Simpang 175, KM 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Bandar Seri Begawan pada waktu pejabat dibuka, ataupun dimuat turun daripada laman sesawang rasmi Kementerian Hal Ehwal Ugama, [www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn).

Tarikh tutup mengembalikan borang ialah pada Sabtu, 1 Februari 2025, jam 4.00 Petang. Bagi sebarang keterangan lanjut bolehlah berhubung menerusi talian +673 2222090 / +673 2222093 / +673 2222096 sambungan 229.



# PENTING

## SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

**BARU**

### IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja




### DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanda gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

**⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.**

**✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.**



# PENYAMPAIAN HADIAH PROGRAM PUSAT STEP



KETUA Pegawai Pemasaran Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para penerima.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi. Azraie Pg. Haji Nikman

**KATOK**, Selasa, 7 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP) telah mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Program-program Pusat STEP bagi Tahun 2024, bertempat di Dewan Auditorium 1, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran

Anak Hajah Saleha, Katok.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan seterusnya ucapan alu-aluan daripada Ketua Pusat STEP, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim selaku Pengerusi Majlis.

Ketua Pegawai Pemasaran Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Dayang Hajah Nurul Akmar

binti Haji Mohd. Jaafar, selaku penaja pertandingan dengan kerjasama Big BWN Project hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah bagi Program Pertandingan Students in STEAM.

Program yang bertemakan 'Waste Not, Save More' dibukakan kepada semua peringkat sekolah di seluruh negara (rendah, menengah dan pusat tingkatan enam).

Antara tujuan program ini adalah untuk memberikan peluang kepada para pelajar bagi menyertai cabaran dengan menghasilkan poster, video atau inovasi / prototaip yang berkaitan dengan literasi kewangan dan pendidikan sifir sisia (*zero-waste education*).

Pada tahun ini, satu kategori tambahan iaitu Best Male Advocate dan Best Female Advocate of Sustainable Financial Management diperkenalkan untuk memberikan pengiktirafan khusus kepada pelajar secara individu yang telah menunjukkan usaha, semangat dan komitmen tinggi dalam menyertai pertandingan tersebut.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah dan sijil bagi

Program Pertandingan 'Recognise, Research, Establish, Apply, Lifelong (REAL) Learning' bagi Tahun 2024 oleh Ketua Pusat STEP, Kementerian Pendidikan.

Program ini dibuka kepada para pelajar peringkat menengah dan pusat-pusat tingkatan enam, yang bertujuan untuk mendorong pelajar agar lebih bersikap ingin tahu dan kreatif dalam menghadapi cabaran kehidupan sebenar (*real life problem*).

Pertandingan tersebut juga berfungsi sebagai platform untuk membina kompetensi pelajar dalam penyelesaian masalah (*problem solving*), pemikiran kritis (*critical thinking*), kreativiti (*creativity*), kerjasama (*collaboration*) dan komunikasi (*communication*) yang secara tidak langsung membantu dalam pencapaian kejayaan cemerlang pelajar khususnya dalam bidang STEAM.

Kedua-dua program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi dan menyokong kemahiran-kemahiran STEAM bagi pelajar-pelajar di Negara Brunei Darussalam.

Majlis diikuti dengan penyampaian sijil dan plak kepada

sekolah-sekolah yang mencapai status tertinggi dalam Program Green School Status oleh Ketua Pusat STEP, Kementerian Pendidikan.

Sekjak program ini bermula pada tahun 2023, sebanyak 47 buah sekolah daripada seluruh negara telah mendaftar hingga tahun 2024 dan dinilai untuk mendapatkan status masing-masing menerusi program berkenaan.

Program ini merupakan inisiatif pengiktirafan oleh Kementerian Pendidikan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan inisiatif, program dan aktiviti berkaitan kelestarian hijau, penjagaan alam sekitar serta kemampuan di sekolah-sekolah.

Penilaian sekolah-sekolah ini dilaksanakan berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam panduan 'Guidebook for Initiating Green-Schools in Brunei Darussalam'.

Sebanyak enam sekolah terbaik daripada setiap Kategori Sekolah Rendah dan Menengah Kerajaan, satu sekolah terbaik daripada Kategori Sekolah Arab serta satu sekolah terbaik daripada Kategori Sekolah Swasta telah dipilih untuk menerima penghormatan ini.

## BDCB terbitkan BSI November 2024

Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Januari. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi November 2024. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas hampir 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 Sektor Ekonomi di semua daerah di NBD.

BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di NBD dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan.

Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi negara.

Indeks utama BSI, iaitu Sub-indeks Keadaan Perniagaan adalah 50.0 bagi November 2024, menunjukkan bahawa, secara amnya, perniagaan menjangkakan keadaan perniagaan yang serupa dengan Oktober 2024.

Walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan sektor-sektor, para peniaga secara amnya menjangkakan tiada perubahan dalam aktiviti perniagaan pada November 2024. Beberapa perniagaan menunjukkan sentimen lebih baik dengan peningkatan dalam penjualan dan pembuatan mengambil kira penyertaan dalam ekspo besar dan acara-acara.

Sementara itu, sesetengah perniagaan mengongsikan kelembapan dalam aktiviti perniagaan dengan kekurangan permintaan dan projek memandangkan keadaan perniagaan yang agak perlahan, serta keadaan cuaca yang kurang baik dan kecenderungan orang ramai untuk melancong ke luar negara bermula November 2024.

Indeks keadaan perniagaan bagi satu bulan ke hadapan juga di tahap 50.0 menunjukkan jangkaan yang

lebih kurang sama bagi Disember 2024.

Sub-indeks Pelaburan adalah 50.0 bagi November 2024, 50.0 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.5 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa para peniaga menjangka akan mengekalkan tahap pelaburan pada November dan Disember 2024.

Walau bagaimanapun, perniagaan lebih optimistik dengan prospek pelaburan dalam tempoh tiga bulan akan datang. Tahap perbelanjaan modal untuk sesetengah perniagaan dijangka akan meningkat pada Februari 2025, untuk memanfaatkan belanjawan sebelum penutup tahun kewangan. Ini termasuk untuk mengubahsuai dan membesarkan premis, pembelian mesin dan peralatan baharu untuk memenuhi keperluan projek dan pelanggan baharu, serta penambahan semula stok inventori atas jangkaan permintaan tinggi di musim percutian dan pelancongan.

Selain itu, Sektor Kewangan dan Insurans juga optimistik dengan indeks 50.1 berikutnya jangkaan permintaan yang lebih tinggi untuk insurans perjalanan menjelang musim percutian, serta peningkatan dalam sumbangan takaful keluarga dan am. Sebaliknya, lima sektor melaporkan sentimen yang pesimistik, khususnya Sektor Pembinaan pada tahap 49.7.

Ini disebabkan oleh jangkaan penangguhan projek dan pesanan bagi sesetengah syarikat, kekurangan projek, dan keadaan cuaca yang kurang baik. Sektor lain yang pesimistik termasuk Sektor Kesihatan dan Pendidikan, Pembuatan, Hartanah dan Pemilikan Kediaman serta Perkhidmatan Swasta Lain, dengan keimbangan yang lebih kurang sama, termasuk musim perniagaan yang lembap akibat musim percutian dan keadaan cuaca.

Sementara itu, Sektor-sektor Pengangkutan dan Komunikasi, Minyak dan Gas serta yang berkaitan, pertanian, perhutanan, perikanan dan ternakan serta perdagangan borong dan runcit menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan Oktober 2024.

aktiviti-aktiviti penyelenggaraan dan pembaikan.

Namun, para peniaga secara amnya menjangka kos operasi yang lebih rendah pada Disember 2024, didorong oleh jangkaan harga bahan mentah yang lebih rendah disebabkan oleh kemungkinan penurunan harga komoditi global, kekurangan jumlah pelanggan semasa musim percutian dan pelancongan, perbelanjaan berkaitan dengan pekerja, penamatkan projek, dan pengurangan aktiviti disebabkan oleh keadaan cuaca buruk.

Dari segi Sektor Ekonomi, hanya dua daripada 11 sektor menjangka keadaan perniagaan yang optimistik pada November 2024 di mana Sektor Hotel dan Restoran paling optimistik dengan indeks 50.3, mengambil kira jangkaan tempahan bilik yang lebih banyak dan promosi yang berterusan pada musim percutian dan pelancongan.

Selain itu, Sektor Kewangan dan Insurans juga optimistik dengan indeks 50.1 berikutnya jangkaan permintaan yang lebih tinggi untuk insurans perjalanan menjelang musim percutian, serta peningkatan dalam sumbangan takaful keluarga dan am. Sebaliknya, lima sektor melaporkan sentimen yang pesimistik, khususnya Sektor Pembinaan pada tahap 49.7.


Ini disebabkan oleh jangkaan penangguhan projek dan pesanan bagi sesetengah syarikat, kekurangan projek, dan keadaan cuaca yang kurang baik. Sektor lain yang pesimistik termasuk Sektor Kesihatan dan Pendidikan, Pembuatan, Hartanah dan Pemilikan Kediaman serta Perkhidmatan Swasta Lain, dengan keimbangan yang lebih kurang sama, termasuk musim perniagaan yang lembap akibat musim percutian dan keadaan cuaca.

Sementara itu, Sektor-sektor Pengangkutan dan Komunikasi, Minyak dan Gas serta yang berkaitan, pertanian, perhutanan, perikanan dan ternakan serta perdagangan borong dan runcit menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan Oktober 2024.

Dari segi indeks mengikut saiz perniagaan, hanya perniagaan

### LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

bersaiz mikro berpandangan optimistik bagi November 2024 dengan jangkaan sedikit penambahbaikan dalam keadaan perniagaan secara keseluruhan mengambil kira permintaan yang lebih tinggi untuk barang dan perkhidmatan mereka.

Manakala, perniagaan saiz kecil mengongsikan jangkaan yang lebih pesimistik dengan penurunan dalam permintaan dan aktiviti perniagaan. Sementara itu, terdapat pandangan yang berbeza dalam kalangan perniagaan bersaiz sederhana dan besar.

Walau bagaimanapun, sentimen secara keseluruhan lebih kurang sama bagi November 2024 berbanding dengan bulan sebelumnya.

Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman sesawang BDCB di [www.bdcb.gov.bn](http://www.bdcb.gov.bn). Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

### BSI November 2024

Keadaan Perniagaan	50.0
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Pelaburan	50.0
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.5
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Kos Perniagaan	50.2
Kos Satu Bulan ke Hadapan	49.9

### Keadaan Perniagaan November 2024 Mengikut Saiz

Mikro	50.1
Kecil	49.9
Sederhana	50.0
Besar	50.0

# MENINJAU PELAKSANAAN PENGAJARAN, PEMBELAJARAN PERSEKOLAHAN ARAB



PEMANGKU MUDIRAH MADRASAH  
Ustazah Dk Aidi Noorintan binti Pg Hj Mohd Zinin

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

SEKITAR sesi pendaftaran dan kemasukan pelajar-pelajar baharu Sanah 7 dan Sanah 9 ke persekolahan Arab bagi 2025 (kiri dan bawah kanan).

yang ada di Madrasah berkenaan dengan sebaiknya.

Pada tahun ini, seramai 183 pelajar dijangka akan menyambung pembelajaran mereka di sekolah berkenaan.

Sehubungan itu, pagi tadi turut diadakan tinjauan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pendaftaran dan kemasukan pelajar-pelajar baharu Sanah 7 dan Sanah 9 ke persekolahan Arab bagi 2025 oleh Ketua Bahagian Sekolah Arab, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Mohamad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin.

Lawatan dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengetua Sekolah dan kemudian diteruskan dengan taklimat mengenai kemudahan asrama serta permakluman lain dari bahagian-bahagian yang berkaitan.

Lawatan juga bertujuan untuk melihat lebih dekat dan memastikan penyediaan prasarana dan kemudahan di sekolah berkenaan bagi kesejahteraan tenaga pengajar dan para pelajar yang secara tidak langsung dapat menyumbang kepada pencapaian pendidikan yang berkualiti tinggi.

Turut hadir pada rombongan berkenaan ialah para pegawai dari Bahagian Sekolah Arab, JPI, KHEU.

dan asatizah akan berusaha membentuk pelajar yang syumul, iaitu pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga memiliki akhlak mulia, kepimpinan yang hebat, dan kesedaran terhadap tanggungjawab sosial," ujarnya lagi.

Selain itu tambahnya, keseimbangan antara ilmu dunia dan akhirat adalah prinsip asas pendidikan, seiring dengan matlamat menjadikan para pelajar insan yang bermanfaat kepada masyarakat, menggalas pemikiran secara kritis serta mencari solusi yang inovatif dan dalam masa yang sama penguasaan kemahiran tambahan seperti kemahiran berbahasa Arab juga perlu diperkuuhkan.

Dayangku Aidi Noorintan juga berharap agar para pelajar kekal komited dalam pembelajaran, di samping bergiat aktif dalam apa juga program akademik dan kurikulum yang ditawarkan serta memanfaatkan segala kemudahan



KATOK, Isnin, 6 Januari. - Dalam kemajuan ekonomi dan kepesatan teknologi kini, sekolah Arab dilihat masih tetap relevan dan merupakan salah satu sumber kemajuan negara dalam menghasilkan individu Muslim atau Muslimah yang cekap serta

berkemahiran dalam pelbagai bidang.

Kedudukan pendidikan ugama dan bahasa Arab masih menjadi agenda utama dalam penyebaran syiar Islam di negara ini.

Justeru itu, kemasukan pelajar ke sekolah Arab membuka

peluang untuk mendalami ilmu pengetahuan dunia dan ukhrawi, selain menjadi titik permulaan menuju Wawasan Brunei 2035, iaitu membina masyarakat berilmu yang seimbang dalam ilmu dunia dan akhirat.

Perkara berkenaan digariskan dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Pengetua Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Dayangku Aidi Noorintan binti Pengiran Haji Md. Zinin semasa sesi pendaftaran dan kemasukan pelajar-pelajar baharu Sanah 7 dan Sanah 9 ke persekolahan Arab bagi 2025 yang diadakan di sekolah berkenaan, pagi tadi.

Menurut Dayangku Aidi Noorintan lagi, dalam usaha tersebut, kita semua bertanggungjawab untuk menyokong dan mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara kita sebagai Negara Zikir dan pusat penyelidikan ilmu Islam dalam pelbagai bidang.

Di Madrasah ini tambahnya, turut menawarkan dua peperiksaan bersijil, iaitu Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dan Brunei Cambridge GCE 'O' Level.

"Pihak Madrasah berharap agar para pelajar dapat meningkatkan lagi semangat dan kesungguhan yang lebih tinggi berbanding sebelumnya, bagi mempersiapkan diri mereka dalam menghadapi cabaran dan rintangan baharu untuk mereka harungi di sepanjang tempoh pengajian.

"Di Madrasah ini, pihak sekolah



منجو كريضاعن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلو لأن قوسة دعوه اسلاميه

"Dan ingatlah Tuhanmu dalam hatimu dengan rendah hati dan dengan perasaan takut dan bukan dengan suara yang nyaring pada waktu pagi dan petang dan janganlah engkau menjadi daripada orang-orang yang lalai".

Surah Al A'raaf : 205

"(laitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingat Allah Subhanahu Wata'ala). Ketahuilah dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram".

Surah Ar Raad : 28

DENGAN sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, kita dapat mengawal diri kita sendiri daripada kelalaian dan memastikan tidak terjebak dengan hanya mengejar kesenangan dunia semata-mata. Sesibuk mana pun kita dengan pelbagai hal dan urusan, zikrullah menjadi

## Berzikirlah, jangan menjadi orang yang lalai

jalan yang mudah dan ampuh untuk menguatkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan sekali gus membantu kita mencapai keseimbangan kehidupan dunia untuk menuju ke akhirat.

"Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingat Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya".

Surah Al Ahzab : 41

Zikir adalah satu amalan yang disyariatkan dalam Islam. Perintah supaya melaksanakan zikir ditemui dalam banyak ayat-ayat Al-Quran dan juga hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Ia adalah satu amalan yang tidak sukar dan susah untuk dilakukan. Mengamalkan zikir ini tidak ada keterikatan dengan syarat-syarat tertentu sebagaimana ibadah-ibadah lain seperti sembahyang, puasa, zakat dan sebagainya. Ia adalah rahsia dan penghubung secara langsung antara hamba dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Zikir menjadi santapan hati dan jiwa, khasnya penawar ketika resah gelisah. Dengan istiqamah mengamalkan zikir ini akan memberikan kesan pada diri individu itu

seperti :

- Mententeramkan jiwa dan berasa reda terhadap Allah.

"Maka bersabarlah engkau (wahai Nabi Muhammad) atas apa yang mereka katakan dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu (dirikanlah sembahyang) sebelum terbit matahari (Subuh) dan sebelum terbenamnya (Asar), dan bertasbihlah pada waktu malam (Maghrib dan Isyak) dan pada waktu siang (Zuhur) supaya engkau reda (dengan mendapat kurnia pahala)".

Surah Thaahaa : 130

- Zikir adalah penggilap dan penyuci hati daripada kekotoran sifat tercela.

"laitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingat Allah Subhanahu Wata'ala). Ketahuilah dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram."

Surah Ar Raad : 28

- Zikir adalah penyedar hati yang lalai dan pendorong kepada taubat.

Zikir juga berperanan menyedarkan hati yang lalai. Ini kerana orang yang telah

melakukan kejahanan, kemudian dia ingat kepada Allah, maka dia akan mengalami kesedaran jiwa. Dia akan menyedari kesilapan, dosa, keaiban dan kejahanan dirinya. Ini akan mendorongnya untuk bertaubat dan tidak lagi meneruskan atau mengulangi kesilapan yang telah lalu. Perkara ini dapat dilihat dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala :

"Dan orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji atau menganiaya diri mereka sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun terhadap dosa-dosa mereka. Dan sememangnya tidak ada sesiapa yang dapat mengampunkan dosa-dosa selain Allah. Dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu sedang mereka mengetahui (akibatnya)".

Surah Ali Imran : 135

Dalam hal ini, kita telah mengetahui akan kelebihan zikir itu, maka jadikanlah zikir itu sebagai pakaian dan amalan yang sentiasa tertanam di hati dan bukan sebagai satu kebiasaan yang sifatnya sementara dan bermusim.

# Jual Beli Bersyarat

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**J**UAL beli adalah perkara yang lumrah dalam kehidupan seharian dan terhasil dengan persetujuan antara penjual dan pembeli. Walau bagaimanapun adakalanya semasa akad jual beli, penjual atau pembeli menetapkan syarat kepada pihak yang satu lagi contohnya semasa berakad jual beli kenderaan, pembeli menetapkan syarat bahawa kenderaan yang dibelinya itu mesti diserahkan kepadaanya, atau semasa akad jual beli, penjual menetapkan syarat bahawa pembeli tidak boleh menjual kenderaan tersebut kepada orang lain, atau jika pembeli hendak menjual kenderaan tersebut, maka disyaratkan pembeli hanya boleh menjualnya kepada penjual berkenaan. Persoalannya, apakah hukum jual beli dengan menetapkan syarat semasa berakad dan apakah orang yang berakad mesti memenuhi syarat tersebut? Berikut penjelasan mengenainya.

Syarat dalam akad jual beli terbahagi kepada dua iaitu syarat yang sah dan syarat yang rosak (*fasid*).

Dalam kitab al-Majmu' ada menyebutkan bahawa kesahan jual beli bersyarat itu tertakluk kepada syarat yang diucapkan dalam akad tersebut iaitu:

**Ertinya:** Syarat yang disertakan kepada akad, ia mengikatnya (akad tersebut). Maka jika ia syarat yang sah, ia mesti memenuhi (syarat tersebut). Dan jika ia (syarat yang) rosak, ia merosakkan akad itu.

Penjelasan mengenai hukum kesahan akad jual beli bersyarat adalah sebagai berikut:

1.Syarat yang merupakan sebahagian daripada tujuan akad jual beli (*muqtadha al-'aqd*). Contohnya jual beli kenderaan dengan syarat kenderaan yang dibeli itu mesti diserahkan kepada pembeli. Dalam hal ini, syarat tersebut tidak membatakan

akad jual beli tanpa ada perselisihan pendapat ulama kerana syarat yang menghendaki kenderaan tersebut diserahkan kepada pembeli memang menepati tujuan berjual beli dan syarat yang demikian itu juga menjadi penegasan dan penjelasan bagi pelaksanaannya. Antara tujuan akad jual beli itu ialah perlakuan pertukaran pemilikan dan penyerahan harga dan barang iaitu harga kepada penjual dan barang kepada pembeli, hak pembeli untuk memanfaatkan barang belian sebagaimana yang dikehendakinya, hak pembeli untuk mengembalikan barang belian yang mempunyai aib dan yang seumpamanya. Jika tujuan-tujuan akad jual beli di atas ini disebut dalam akad jual beli sebagai syarat, maka sah akad tersebut.

2.Syarat-syarat yang manafikan dan bertentangan dengan tujuan akad jual beli (*muqtadha al-'aqd*). Contohnya jual beli kenderaan dan penjual menetapkan syarat-syarat berikut:

- Pembeli tidak boleh menerima (*qabdh*) kenderaan yang dibelinya.

- Pembeli tidak boleh memanfaatkan atau menggunakan (*tasharruf*) kenderaan setelah menjadi miliknya sebagaimana yang dikehendakinya seperti menjual, menyewakan, meminjamkan atau selainnya.

- Pembeli tidak boleh menjual kenderaan tersebut kecuali kepada penjual berkenaan sahaja.

- Pembeli mesti meminta izin daripada penjual jika hendak melakukan sesuatu terhadap kenderaan tersebut. Dalam hal ini, syarat sedemikian adalah syarat yang rosak dan akad jual beli tersebut adalah batal kerana syarat tersebut manafikan tujuan akad jual beli.

3.Syarat yang bukan merupakan sebahagian daripada tujuan akad jual beli (*muqtadha al-'aqd*) namun ia berkaitan dengan maslahat akad dan terdapat *nash syara'* mengenainya. Contohnya jual beli kenderaan dilakukan dengan syarat mencagarkan harta yang bernilai sebagai cagaran, mensyaratkan ada penyaksian,

mensyaratkan ada penjamin, mensyaratkan ada hak memilih (*khiyar*) sehingga tiga hari atau seumpamanya. Syarat sedemikian adalah syarat yang sah dan akad jual beli adalah sah tanpa ada perselisihan pendapat ulama. Syarat tersebut juga dituntut untuk dipenuhi kerana ia memang berkaitan dengan maslahat akad.

4.Syarat yang bukan merupakan sebahagian daripada tujuan akad jual beli (*muqtadha al-'aqd*) dan tidak terdapat *nash syara'* mengenainya. Namun syarat tersebut memenuhi maslahat salah satu pihak yang berakad dan tidak memberi apa-apa kesan terhadap pihak yang satu lagi serta tidak mendatangkan pertelingkahan di antara kedua-dua pihak yang berakad. Contohnya jual beli kenderaan dilakukan dengan syarat daripada pembeli bahawa kenderaan tersebut hendaklah boleh digunakan untuk tujuan tertentu seperti pengangkutan barang. Syarat sedemikian adalah syarat yang sah dan akad jual beli juga sah. Syarat tersebut dituntut untuk dipenuhi kerana keperluan orang yang mensyaratkan dan ia tidak memberi apa-apa kesan terhadap pihak yang satu lagi dan tidak mendatangkan pertelingkahan.

5.Syarat yang bukan merupakan sebahagian daripada tujuan akad jual beli (*muqtadha al-'aqd*) dan tidak terdapat *nash syara'* mengenainya. Syarat tersebut tidak mendatangkan maslahat kepada orang yang berakad namun ia boleh mendatangkan pertelingkahan di antara kedua-dua pihak yang berakad. Contohnya jual beli kereta dengan syarat daripada penjual bahawa pembeli itu hanya boleh membawa dua orang penumpang sahaja. Syarat sedemikian adalah syarat yang sia-sia boleh diabaikan (tidak mengikat) dan akad jual beli adalah sah.

6.Syarat yang diucapkan dalam akad jual beli yang menghimpunkan dua jenis akad (transaksi) dalam satu akad jual beli. Contohnya penjual mensyaratkan kepada pembeli untuk menjual sesuatu kepadanya atau kepada orang lain seperti penjual

الإرشاد الحكيم  
IRSYAD HUKUM  
جهاز مفتى مملكة بруني داروسلام  
Jabatan Mufti Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Website : [www.mufti.gov.bn](http://www.mufti.gov.bn)  
E-mail : [fatwa@mufti.gov.bn](mailto:fatwa@mufti.gov.bn) - [info@mufti.gov.bn](mailto:info@mufti.gov.bn)

berkata: "Saya jual kenderaan ini kepada awak dengan harga \$10,000 dengan syarat awak jual kepada saya mesin awak dengan harga \$200." Atau penjual mensyaratkan kepada pembeli untuk membeli sesuatu daripadanya atau daripada orang lain seperti penjual berkata: "Saya jual kenderaan ini kepada awak dengan harga \$10,000 dengan syarat awak beli dari Polan mesin dengan harga \$200." Atau penjual mensyaratkan kepada pembeli untuk menyewakan sesuatu kepadanya seperti penjual berkata: "Saya jual kenderaan ini kepada awak dengan harga \$10,000 dengan syarat awak sewakan kepada saya mesin ini dengan harga sewa \$100." Atau penjual mensyaratkan kepada pembeli untuk memberi sejumlah hutang kepadanya seperti penjual berkata: "Saya jual kenderaan ini kepada awak dengan harga \$10,000 dengan syarat awak hutangkan saya \$1,000." Syarat-syarat sedemikian adalah syarat yang rosak dan akad jual beli tersebut adalah batal kerana termasuk dalam jual beli yang dilarang. Demikian penjelasan mengenai jual beli bersyarat.

## MENGUKUHKAN SEMANGAT SOLIDARITI, PATRIOTIK PELAJAR



TAKLIMAT disampaikan oleh Pemangku Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris (atas), sementara gambar bawah, para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan.



SERAMAI 155 penuntut Tahun 7 dari Sekolah Menengah Masin mengikuti Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**MASIN**, Isnin, 6 Januari. - Seramai 155 penuntut Tahun 7 dari Sekolah Menengah Masin pagi tadi mengikuti Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan, di sini.

Turut hadir, Pengetua Sekolah Menengah Masin, Dayang Hajah Norwen binti Haji Brahim dan para tenaga pengajar.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, yang antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara serta sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan

Sultan'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz berkenaan yang diadakan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Selain itu, ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

# SEKOLAH PGGMB SUNGAI AKAR ADAKAN SESI TAKLIMAT BAGI PELAJAR BAHARU

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**SUNGAI AKAR**, Isnin, 6 Januari. - Musim sesi persekolahan bagi Tahun 2025 telah bermula pada 2 Januari lalu dan semua sekolah-sekolah kerajaan serta swasta telah sibuk membuat pelbagai persiapan dan perancangan yang rapi bagi menyantuni murid-murid kembali ke sekolah.

Salah sebuah sekolah swasta khususnya Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) juga telah membuat persiapan dan perancangan bagi menerima kehadiran seramai lebih kurang 60 murid-murid baharu yang akan memulakan persekolahan di sekolah berkenaan pada tahun ini.


Sesi taklimat bagi murid-murid baharu ke Sekolah PGGMB Sungai Akar telah diadakan hari ini. Kehadiran para ibu bapa / penjaga bersama anak-anak mereka menunjukkan kesungguhan dan semangat yang kental kerana memilih sekolah ini bagi anak-anak mereka untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diikuti dengan ucapan alu-aluan dari Guru Besar Sekolah PGGMB Sungai Akar, Awang Haji Ali@Mustapha bin Haji Talib yang antara lain mengharapkan sokongan ibu bapa agar anak-anak mereka mematuhi peraturan dan disiplin sekolah serta ibu bapa hendaklah

**SEKITAR** Sesi taklimat bagi murid-murid baharu ke Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) Sungai Akar (atas kiri, atas kanan dan kanan).

sentiasa memantau pembelajaran anak-anak mereka selain turut memantau perkembangan pembelajaran anak-anak mereka di luar sekolah.

Awang Haji Ali@Mustapha seterusnya turut mengongsikan latar belakang sekolah dan taklimat mengenai pengenalan sekolah, iaitu visi, misi, struktur organisasi; akademik, peperiksaan serta disiplin dan peraturan sekolah.



## MINDA PEMBACA

### Memperkenalkan makanan tempatan ke peringkat antarabangsa

**N**EGARA Brunei Darussalam (NBD), sebuah negara kecil tetapi kaya dengan budaya, memiliki pelbagai makanan tradisional yang unik seperti ambuyat, nasi katok, pais ikan dan kelupis dan banyak lagi. Makanan-makanan ini bukan sahaja menjadi kegemaran rakyat tempatan tetapi ia juga mencerminkan identiti serta keunikan tradisi Brunei. Walaupun begitu, makanan-makanan ini masih kurang dikenali di peringkat antarabangsa. Oleh itu, usaha memperkenalkan makanan-makanan ini ke dunia perlu dinormalisasikan agar budaya dan keistimewaan Brunei mendapat pengiktirafan global.

Salah satu kelebihan memperkenalkan makanan tempatan ialah untuk mempromosikan NBD

kepada pelancong. Makanan antara tarikan utama kepada pelancong kerana mereka ingin mencuba hidangan yang berbeza daripada apa yang biasa mereka makan. Ambuyat, misalnya, dengan teksturnya yang unik, pasti menimbulkan rasa ingin tahu pelancong. Apabila makanan ini dikenali, lebih ramai pelancong akan berkunjung ke NBD, seterusnya meningkatkan Sektor Pelancongan negara.

Selain itu, makanan tempatan Brunei berpotensi untuk dikembangkan sebagai produk ekspor. Contohnya, sambal tempatan, ambulong, kuih tradisional seperti kuih cincin, atau serunding boleh dikomersialkan dan dijual ke pasaran antarabangsa. Dengan penjenamaan

yang menarik dan strategi pemasaran yang tepat, produk-produk ini bukan sahaja memberi peluang kepada usahawan tempatan untuk memperluaskan perniagaan mereka tetapi juga membantu memperkenalkan NBD ke seluruh dunia, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Yang penting, makanan tempatan Brunei adalah lambang budaya dan warisan yang harus dipelihara. Apabila kita mempromosikan hidangan seperti nasi katok atau pais ikan di acara antarabangsa, festival makanan, rancangan masakan, atau melalui media sosial, kita sebenarnya memperkenalkan cara hidup, nilai dan sejarah masyarakat Brunei. Dengan cara ini, identiti kita sebagai rakyat

Brunei akan lebih dikenali, dihargai dan terus diwarisi oleh generasi akan datang.

Kesimpulannya, makanan tradisional Brunei bukan sekadar hidangan, tetapi sebagai lambang budaya yang mampu membawa nama negara ke peringkat antarabangsa. Dengan usaha bersama semua pihak, makanan ini dapat memajukan sektor pelancongan, ekonomi dan budaya, sekali gus menjadikan NBD lebih dikenali dan dihargai. Bak kata pepatah 'tak kenal maka tak cinta'.

Nama : Rabi'atul 'Adawiyah binti Haji Awang Mohd Sujiran  
No. K/P : 01-148XXX

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Memperkasa Hak Orang Kurang Upaya'. Tarikh Tutup : 8 Januari 2025
- 2.'Pembaziran Merugikan Masyarakat, Ekonomi Negara'. Tarikh Tutup : 15 Januari 2025
- 3.'Kepimpinan Bermula Dari Diri Sendiri'. Tarikh Tutup : 22 Januari 2025

#### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# دعاء ممohen كفـد الله سقـاي تـرسـلامـة

## درـفـدـ بلاـءـ دـانـ سـكـلـ جـنـيسـ فـياـكـيتـ

### DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰوةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلٰهَ إِلّٰا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٣﴾ كالي﴾.

تَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللّٰهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٣﴾ كالي﴾.

بِسْمِ اللّٰهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
الْسَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٣﴾ كالي﴾.

بِسْمِ اللّٰهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللّٰهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ.

بِسْمِ اللّٰهِ عَلٰى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللّٰهِ عَلٰى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللّٰهِ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبِّنَا.

بِسْمِ اللّٰهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللّٰهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ

اللّٰهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءَ. بِسْمِ اللّٰهِ أَفْتَخَنَا وَبِاللّٰهِ  
أَحْتَمَنَا وَعَلٰى اللّٰهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.

وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلٰى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللّٰهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ  
الْأَسْقَامِ.

اللّٰهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّغْيَانَ وَالظَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلٰى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣﴾ كالي﴾.

وَصَلَّى اللّٰهُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

#### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan ania). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذْهُ سِنَةٌ وَلَا نُومٌ لَمَّا مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَلِكَ يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا يَأْدِنَهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعْ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَنْعُودُهُ حَفَظْهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

**Peringatan :**

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاتًّا كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الْرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحِّيهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٌ بَعْدَدُ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنِّي، فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ لَا يَغْفِرُ الْذُنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

**Fadilatnya :**

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْ مِبَاوا كِبَراً وَنَتوْغُنْ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْدُ قَعْمَلَنْ ( تَولُقْ بَلَاءَ )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

**Penerangan :**

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

**Penerangan :**

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَمْيُ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

**Penerangan :**

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong yang  
Berdaftar dengan Kementerian  
Pembangunan di dalam

**Kelas:**  
V

**Kategori:**  
M01

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DME / BOP-ACM / 01 /  
2025

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Penggantian  
Peralatan Hawa Dingin di  
Bangunan Jabatan Perikanan  
Serasa, Jalan Pantai Serasa

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Kelas:**  
V

**Kategori:**  
M01

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DME / BOP-ACM / 02 /  
2025

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Penggantian  
Peralatan Hawa Dingin di  
Bangunan Baru,  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,  
Jalan Muhibbah

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas :**  
II & III sahaja

**Kategori :**  
KA01

**Tarikh Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
8 Januari 2025.

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
28 Januari 2025.  
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
4 Februari 2025.  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRC 01 / 2025

**Nama Projek:**  
"Road Circulation",  
Tempat Penurunan Murid Dan  
Letak Kereta, Sekolah Rendah  
Pengiran Muda Mahkota, Tutong

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)



**Kelas:**  
IV atau V

**Kategori:**  
M01

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DME / BOP-ACM / 03 /  
2025

**Nama Projek:**  
Kontrak Penggal  
Bagi Operasi Dan Pemeliharaan  
Sistem Penghawa Dingin  
Bagi 'Group Location 5'  
Daerah Temburong Bagi  
Tempoh Tiga (3) Tahun

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Kelas:**  
MOD Approved  
Lift Contractor

**Kategori:**  
KPME02

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DME / BOP-LE / 04 / 2025

**Nama Projek:**  
Pemeliharaan Lif 'SIGMA'  
Di Bangunan-Bangunan Kerajaan,  
Negara Brunei Darussalam  
Bagi Tempoh  
Tiga (3) Tahun

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada :**  
21 Januari 2025.  
(Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
4 Februari 2025.  
(Selasa)

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang.


**JABATAN AUDIT  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran :**  
AUD / BPK / UTM /  
Q&T / 2024-2025 / 12  
Membeli Peralatan Toner  
Bagi Mesin Pencetak  
Printer Lexmark CS622DE

**Mesin Pencetak :**  
Toners Printer  
Lexmark CS622DE

**Keterangan Pembekal:**  
Black Extra High

**Parts Number:**  
78C3XK0  
(Yield 8.5K Pages)

**Unit Diperlukan:**  
3

**Keterangan Pembekal:**  
Yellow Extra High

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**  
(II, III & IV Sahaja)

**Kategori:**  
[KA01 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada :**  
21 Januari 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup :**  
28 Januari 2025 (Selasa)  
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DWS / 001 / 2024

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Pembaikan Alat  
Pengepam Air Di Stesen  
Pengepam Air Sentosa, Lugu  
Dan Lumapas

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen :**  
-



**Parts Number:**  
78C3XY0  
(Yield 5K Pages)

**Unit Diperlukan:**  
4

**Keterangan Pembekal:**  
Magenta Extra High

**Parts Number:**  
78C3XM0  
(Yield 5K Pages)

**Unit Diperlukan:**  
4

**Keterangan Pembekal:**  
Cyan Extra High

**Parts Number:**  
78C3XC0  
(Yield 5K Pages)

**Unit Diperlukan:**  
4

**Keterangan Pembekal:**  
Waste Toner Bottle

**Parts Number:**  
78C0W00  
(Yield 25 K Pages)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
14 Januari 2025.  
Jam 2.00 Petang.



جایزه کابیچو جواہری دارالسلام

**BDMD**  
Brunei Darussalam  
Meteorological  
Department

**JABATAN KAJICUACA  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan / Pembekalan:**

The Supply And Delivery  
Of High Performance  
Laptops For Brunei Darussalam  
Meteorological Department

**Bilangan Sebut Harga:**  
JKBD / 2024 / SH-19

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
22 Januari 2025.

Sebelum  
jam 9.00 Pagi.

**Kepada:**

Pengerusi Jawatankuasa  
Sebut Harga  
Jabatan Kajicuaca  
Brunei Darussalam  
Jabatan Kajicuaca  
Brunei Darussalam  
Blok B23,  
Flat Anggerek Desa  
Simpang 32-37,  
Kampong Anggerek Desa  
Bandar Seri Begawan  
BB3713  
Negara Brunei Darussalam


**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**

Renovation Works  
For Air Traffic Service Centre,  
General Office,  
Department Of Civil Aviation  
ANS / 2024 / SH-05

**Tarikh iklan / mengambil  
dokumen Sebut Harga:**  
8 Januari 2025.  
Rabu.

**Tarikh terakhir mengambil  
dokumen Sebut Harga:**  
21 Januari 2025.  
Selasa.

**Tarikh tutup Sebut Harga:**  
22 Januari 2025.  
Rabu.

(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**  
Pengerusi Jawatankuasa  
Sebut Harga  
d/a Aras Bawah,  
Bangunan Ibu Pejabat  
Jabatan Penerbangan Awam  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan BB2513  
Negara Brunei Darussalam


**JABATAN KEMAJUAN  
PELANCONGAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 37

**Tajuk Tawaran:**  
Provision of  
Event Management Services  
for The Launching Event  
of New River Tours

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
16 Januari 2025.  
Jam 2.00  
Petang.


**JABATAN PERANCANGAN  
EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
DAN EKONOMI**

**Tajuk Sebut Harga :**  
Membekalkan Dan Menghantar  
Barangan Untuk Publisiti  
Dan  
Pemberigaan Bagi Jabatan  
Perangkaan (JPES)

**Bilangan Sebut Harga:**  
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM / 10

**Tarikh Tutup:**  
15 Januari 2025.  
Rabu.





**Bilangan Tawaran:**  
JPKK / JKSH2425-QTN.05 / ADM

**Tajuk Tawaran:**  
Kerja-Kerja Pembersihan  
Janitorial Di Bangunan  
Kompleks Stor Negara Gadong,  
Pejabat Jabatan Perbendaharaan  
Cawangan Daerah Tutong  
Dan Kuala Belait Bagi Tempoh  
Dua (2) Tahun

**Tarikh Tutup / Jam:**  
11 Januari 2025 - Sabtu  
(9.00 Pagi)

**Tempat Menghantar Tawaran:**  
Peti Sebut Harga,  
Jabatan Perbendaharaan  
Tingkat 2,  
Tower Block  
Bangunan Kementerian  
Kewangan dan Ekonomi  
Commonwealth Drive,  
Jalan Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan  
Tawaran:**  
(161) JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**  
Penyewaan Dan Pengendalian  
Ruang Inkubator Keusahawanan  
Belia Stadium Negara Hassanal  
Bolkiah Bagi Tempoh Dua  
(2) Tahun

**Yuran  
Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh  
Tutup:**  
16 Januari 2025.



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Rujukan Bilangan dan Tajuk  
Tawaran:**  
MINDEF / DFA / RC / 260(2)  
Catering Services for  
Cookhouses, Officer's Mess  
and Warrant Officer / Staff  
Sergeant / Sergeant's Mess  
at RBAF Camps for A Period  
of Five (5) Years Contract

**Yuran Tawaran:**  
BND1,000.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah  
**Selasa,**  
**21 Januari 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
4 Februari 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**Rujukan Tawaran:**  
JPA / 1.4 / UPK / EST / 004 / 2024  
Term Contract for Housekeeping  
Services at Public Service  
Department (2025-2026)

**Bayaran Tawaran:**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
14 Januari 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran :**  
JPKK / JKSH2425-QTN.04 /  
ADM

**Tajuk Tawaran:**  
Membekalkan  
Pelbagai Ink,  
Toner Dan Cartridge  
Bagi  
Jabatan Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan Dan  
Ekonomi

**Bilangan Tawaran:**  
JPKK / JKSH2425-QTN.05 /  
ADM

**Tajuk Tawaran:**  
Kerja-Kerja Pembersihan  
Janitorial Di Bangunan  
Kompleks Stor Negara Gadong,  
Pejabat Jabatan Perbendaharaan  
Cawangan Daerah Tutong  
Dan

**Iklan Pemberitahuan**

**Bilangan Tawaran:**  
MOFE / IBE / NBSP / 03-24

**Tajuk Tawaran:**  
The Design, Development,  
Supply, Delivery,  
Installation, Testing,  
Commissioning  
and Maintenance of National  
Business Service Platform  
(NBSP)

**Tarikh Buka  
Tawaran:**  
Rabu,  
18 Disember 2024.

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
21 Januari 2025.  
Jam 2.00  
Petang.

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)



**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / RC / 253(3)  
Transportation Services To  
Ferry Gurkha School Children  
For Gurkha Security Unit  
(GSU) – Five (5) Years  
Contract With An Option Of  
Three (3) Years Extension

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah  
**Isnin, 13 Januari 2025.**

**Tarikh Tutup  
Tawaran:**  
Selasa,  
28 Januari 2025.  
2.00 Petang.



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)  
hendaklah dihantar dan diterima oleh  
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK**  
**kurang dari empat (4) minggu dan**  
**Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari**  
**dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan  
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah  
dibaca menggunakan **Microsoft Word**  
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang  
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar  
menggunakan **BAHASA MELAYU  
SAHAJA.**



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah  
dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400  
sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA  
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGK  
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

# جوالن سالینان کنہبر ۲ دیکنیتل

## JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



### HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.

Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.

(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

### TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

### JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **laman galeri Infofoto ([www.infofoto.gov.bn](http://www.infofoto.gov.bn))**

dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TALIAN : 2383400**  
**FAKS : 2382242**

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

### WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis  
8.00 Pagi – 12.00 T/hari  
2.00 Ptg – 3.00 Ptg  
Sabtu  
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn

# KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



كمترین كصيحتن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI  
DARI 40% SODIUM**



**TIPS**

- 1** Pilih makanan segar dan tidak berproses
- 2** Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
 
- 3** Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- 4** Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- 5** Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk


## JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus  
Mee Segera

1000 mg



Sebijii  
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan  
Kicap

376 mg



3 sudu makan  
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil  
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil  
Keropok Udang  
Tempatan

120 mg



1 cawan  
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam  
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping  
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan  
Amping

1.7 mg



Segenggam  
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebijii ukuran sederhana  
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

# BERHATI-HATI SEMASA CUACA TIDAK MENENTU

**Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Januari. - Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada di dalam Monsun Timur Laut, yang pada lazimnya akan berterusan sehingga sekitar hujung bulan Mac 2025.

Semasa tempoh separuh pertama Monsun Timur Laut, iaitu sehingga bulan Januari 2025, yang mana juga dikenali sebagai Musim Tengkujuh, negara

lazimnya mengalami keadaan cuaca tidak menentu, dengan hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat berlaku terutamanya pada waktu malam hingga awal pagi.

Manakala semasa tempoh separuh kedua Monsun Timur Laut (bulan Februari 2025 dan Mac 2025), keadaan atmosfera cenderung menjadi lebih stabil dengan pengurangan aktiviti

turunan hujan.

Keadaan cuaca diramalkan aktif bermula hari ini, Selasa, 7 Januari 2025 sehingga Isnin, 13 Januari 2025. Hujan lebat dan berpetir dijangka berlaku sekali-sekala, menjadikan kebanyakan kawasan persisiran dan perairan negara pada waktu pagi dan malam; serta di kawasan pedalaman negara pada waktu petang.

Kelajuan angin sehingga 45kmj semasa atau dekat hujan. Keadaan laut pada amnya berombak di paras sederhana ke bergelora, antara 1.0 sehingga 2.5 meter.

Orang ramai dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan

rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang. Keadaan laut di paras sederhana ke bergelora adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Pihak Jabatan Kajicuaca Brunei

Darussalam akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbbit kami iaitu Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang [www.met.gov.bn](http://www.met.gov.bn) atau melalui laman Facebook [@bruneiweather](https://www.facebook.com;bruneiweather), Instagram [@brunei.weather](https://www.instagram.com;brunei.weather) dan saluran Telegram Brunei Weather.



**BERHENTI DI TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MENGELAKKAN KEMALANGAN**

Berhenti sementara jika hujan bertambah lebat dan penglihatan awda terjejas akibat kabus dan cuaca yang gelap

[bruneiweather](#) [@brunei.weather](#) [Weather Line 114](#) [www.met.gov.bn](#)



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun **PenggunaBijak**

[PenggunaBijak](#)

## Bantu kesan Ahmad Rivaroni

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BERAKAS**, Isnin, 6 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon bantuan orang ramai untuk mengesan seorang buruh dipercayai lari daripada majikan.

Menurut kenyataan dikeluarkan PPDB di sini, laporan telah dibuat di Balai Polis Berakas untuk mengesan seorang pekerja lelaki warganegara Indonesia iaitu Ahmad Rivaroni, 35 tahun dengan nombor pasport E2033848.

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat bolehlah menghubungi ke Balai Polis Berakas menerusi talian +673 2330410 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



WARGANEGARA Indonesia, Ahmad Rivaroni dipercayai lari daripada majikan.



**Selera KAMPUNG Kitani**

Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

## Ikan Masak Acar Kampung Pintu Malim

### BAHAN-BAHAN :

Ikan  
4 sudu makan kari  
Cuka ikut selera  
Garam, ajinamoto dan gula secukupnya  
Asam jawa untuk ikan goreng

1 ulas bawang besar  
3 ulas bawang putih

### CARA MEMASAK :

Goreng ikan berasingan. Kari dicairkan bersama garam, ajinamoto dan gula. Tumiskan

bawang sehingga kekuningan. Setelah garing, masukkan kari yang telah dicairkan. Tambah air sedikit. Masukkan cuka. Tunggu sehingga air kuah pekat sedikit. Kemudian masukkan ikan yang digoreng berasingan tadi. Gaul rata dan hidangkan.

# MURID PRA MEMULAKAN SESI PERSEKOLAHAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Ihsan Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menunggol



**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Isnin, 6 Januari. - Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan di seluruh negara memulakan sesi persekolahan bagi kanak-kanak prasekolah hari ini.

Pada tahun ini, sebanyak 116 buah sekolah rendah kerajaan menawarkan kelas-kelas prasekolah di mana seramai 2,755 kanak-kanak berumur 5 tahun telah didaftarkan untuk mengikuti pembelajaran peringkat prasekolah tahun ini. Daripada jumlah berkenaan, 1,431 adalah kanak-kanak lelaki manakala 1,324 adalah perempuan.

Sebagai persediaan bagi membantu kanak-kanak untuk menyesuaikan diri dengan suasana sekolah, Kementerian Pendidikan melalui Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak (UPAKK), Jabatan Sekolah-Sekolah melaksanakan beberapa inisiatif termasuk mengadakan Program

## Kongsi pembelajaran menarik minat murid-murid pra

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**MENTIRI**, Selasa, 7 Januari. - Sesi Prasekolah 2025 telah bermula kelmarin dan sekali gus menuntut kesediaan pelajar untuk memasuki musim baharu itu dengan lebih penuh berazam, semangat dan persediaan yang kuat dan rapi baik dari segi mental, fizikal dan emosi pelajar untuk memenuhi sesi pembelajaran seterusnya.

Guru Besar Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin (SR DMY), Mentiri, Dayang Jusnita binti Haji Abdul Rahman ketika ditemui



mengadakan sesi taklimat bersama ibu bapa dan penjaga murid-murid pra yang diadakan pada bulan November 2024 lalu.

Selain itu tambahnya, melaksanakan orientasi satu hari bersama murid baharu dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi bagi membiasakan diri murid-murid di sekolah di samping menyediakan suasana kelas yang mesra bagi murid-murid.

Awang Haji Mahleyuddin seterusnya menjelaskan, dalam usaha untuk membantu kanak-kanak untuk menyesuaikan diri dengan suasana sekolah serta memberikan rasa seronok dan teruja untuk pergi ke sekolah pihak sekolah juga melaksanakan sistem *buddy* iaitu murid-murid baharu pra akan digandingkan bersama dengan senior pra terutama dengan senior pra terutama semasa membuat aktiviti luar.

Di samping itu tambahnya, menyediakan aktiviti yang bersesuaian yang membina dan menerbitkan rasa sayangkan ke sekolah dengan menggunakan pendekatan salah satu moto sekolah iaitu 'Datang ke sekolah, bermain'.

Pihak sekolah jelasnya juga menerapkan sikap setia kawan kepada murid-murid peringkat lain agar mesra, kasih dan sentiasa membantu dan mengelingka murid-murid pra.

"Mewujudkan persekitaran yang selamat agar murid-murid pra ini rasa selamat berjauhan dari ibu bapa untuk seketika. Kaktangan sekolah juga membantu murid dengan layanan mesra seperti anak sendiri," ujar beliau lagi.

Mengikut pindaan Akta Pendidikan Wajib Penggal 211 yang telah dilaksanakan pada tahun 2024, kanak-kanak yang mencapai umur 5 tahun adalah wajib bersekolah, khususnya

turut memastikan setiap kelas dalam keadaan yang selamat, rapi, bersih dan kondusif dan bersedia menerima murid-murid pra agar mereka berasa sangat gembira berada di sekolah terutama di blok prasekolah.

"Pihak sekolah juga mempunyai tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman, ilmu pengetahuan, kemahiran dan sesuai bagi mengajar di peringkat prasekolah. Di samping itu, guru-guru pra sekolah juga menyediakan dan menyampaikan sesi pembelajaran dengan kaedah *fun, play and learn more* melalui aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan seperti nyanyian, *think pair and share* dan mengintegrasikan kemahiran mendengar, bertutur, menulis, membaca dan berfikir dengan penggunaan *hands on resources* secara *offline* dan *online*," ujar Dayang Jusita.

Dayang Jusita seterusnya mengongsikan bahawa pembelajaran yang boleh menarik perhatian, minat dan mencabar rasa ingin tahu murid, menggunakan sumber pengajaran *hands on* secara berpasangan, kumpulan kecil mahupun secara aktif kelas.

Menurut beliau, murid dide dahkan dengan tugas atau aktiviti yang terkini dan menyeronokkan seperti aktiviti



KEMASUKAN para murid prasekolah dari Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menunggol (atas dan kiri).

mereka yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan yang bermastautin di negara ini.

Bagi kanak-kanak yang mencapai umur 5 tahun pada 31 Disember adalah diwajibkan mendaftar bagi kemasukan

prasekolah bermula awal tahun berikutnya. Bagi kanak-kanak yang belum berkesempatan untuk didaftarkan, para ibu bapa atau penjaga masih diberi peluang untuk mendaftar di sekolah-sekolah rendah masing-masing.

**Selamatkan Usus Awda.**

*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Sebaiknya Usus Awda



**GURU Besar Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Mentiri, Dayang Jusita binti Haji Abdul Rahman** ketika ditemui bual (atas). Sementara gambar bawah kiri, antara murid ketika sesi pembelajaran.

orang Coaches Literacy dan Numeracy sekolah bagi idea dalam kaedah pengajaran.

"Guru-guru pra juga boleh mengongsikan sesi taklimat, perjumpaan secara kelompok kecil bersama ibu bapa penjaga bagi anak-anak yang dikenal pasti agar bukan sahaja tugas melatih dan memupuk minat belajar ini diberikan kepada pihak guru namun juga melibatkan ibu bapa atau penjaga murid sendiri," terang beliau lagi.

Pada tahun ini, SR DMY menerima kemasukan seramai 71 murid prasekolah iaitu 33 lelaki dan 28 perempuan dan setakat ini, SRDMY mempunyai seramai 527 murid dari prasekolah hingga Tahun 6.



# Kongsi perjalanan melawan kanser melalui buku 'Battle Scars of Hope'

Oleh : Aimi Saini  
Foto : Ihsan Soraya Chung

**K**ANSER antara penyakit yang digeruni bukan sahaja di negara kita Brunei Darussalam malah seluruh dunia. Pelbagai jenis kanser yang wujud pada masa ini dan ia menyerang tanpa mengira usia dan merupakan punca kepada kematian. Apabila disahkan menghidap kanser ia dirasakan seperti dijatuhkan hukuman mati sedangkan hakikatnya kanser boleh dirawat jika dikesan lebih awal. Gentar untuk menerima rawatan seperti radioterapi atau kemoterapi dan kesan sampingan yang akan dialami adalah stigma terhadap penyakit ini menyebabkan pesakit kanser khuatir untuk menjalani pemeriksaan dan rawatan lanjutan.

Kanser atau lebih sinonim panggilannya dengan barah, merupakan sejenis penyakit yang berkaitan dengan ketidakseimbangan tindak balas sel dalam badan. Kanser merupakan masalah kesihatan yang kian meningkat di seluruh dunia. Kanser juga merupakan satu masalah kesihatan yang serius dan perlu diberikan perhatian yang seawajarnya.

Berkata mengenai penyakit yang menggerunkan ini, seorang penjawat awam yang menghidap kanser payudara turut menaskhabahkan sebuah buku 'Battle Scars of Hope' dengan berkongsi pengalaman perjalanan beliau melawan barah yang dihadapinya kira-kira tiga tahun lalu.

Soraya Chung, 40 tahun, menerusi buku yang dihasilkan beliau iaitu 'Battle Scars of Hope' menjelaskan penerbitan buku tersebut bertujuan dan berharap akan dapat meningkatkan kesedaran kepada orang ramai mengenai penyakit ini.

Menurut beliau, dengan mengongsikan perjalanan dan pengalamannya dalam menjalani rawatan dan mengatasi kanser payudara, diharap akan dapat memberikan dorongan kepada pahlawan-pahlawan kanser di luar sana terutama sekali mereka yang baharu saja didiagnos agar mereka mempunyai bahan rujukan dan pada masa yang sama memahami apa yang akan terjadi.

"Inilah apa yang saya harapkan semasa baru mula-mula didiagnos di mana saya gagal untuk mencari sebarang bahan rujukan/bacaan untuk mengetahui sebarang pengalaman yang perlu dijalani," ujarnya.

## Pengesahan awal

Soraya Chung mengongsikan pada bulan

April 2021, satu malam sebelum tidur beliau terasa ada biji / ketulan di sebelah kanan payudaranya. Beliau terus mencari tahu dalam Google untuk mengetahui apa ketulan tersebut. Ketulan didapati sama seperti apa yang diterangkan di Google berkemungkinan adalah tumor kanser, beliau segera ke klinik yang berdekatan untuk mendapatkan pengesahan daripada doktor.

"Pada masa itu saya sedang dalam kitaran *period* jadi berkemungkinan ketulan tersebut adalah disebabkan oleh hormon tetapi pada bulan seterusnya, disebabkan ketulan tersebut masih ada walaupun saya sudah tamat kitaran, doktor pun memberikan saya surat *referral* untuk berjumpa dengan doktor pakar bedah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS)".

"Setelah berjumpa dengan doktor pakar bedah perempuan di Hospital RIPAS, dia terus menjadualkan untuk saya menjalani pemeriksaan imbasan seperti Mammogram, CT Scan, MRI dan Ultrasound untuk mengambil sampel tisu (*biopsy*) payudara saya bagi mengetahui apa sebenarnya ketulan tersebut kerana dikhuatiri ketulan tersebut bukan ketumbuhan biasa. Pada 16 Jun 2021, saya dan suami berjumpa doktor pakar bedah untuk mengetahui keputusan daripada *biopsy* yang menunjukkan bahawa tisu sampel yang diambil dari payudara kanan saya adalah barah (*cancer*) dan terdapat bukan satu tetapi dua ketulan. Di situ saya didiagnos dengan Triple Negative Breast Cancer Tahap 1," terangnya.

"Tangisan adalah teman saat apabila mendengar keputusan itu dan hati saya hancur mengenangkan bahawa saya akan mati kerana lazim apabila kita bercakap mengenai kanser, besar kemungkinan ia boleh menyebabkan kematian. Anak-anak, suami dan ahli keluarga saya juga bersedih apabila mendengar berita tersebut," ujar beliau.

Setelah didiagnos dengan Triple Negative Breast Cancer sejenis barah yang agresif, beliau telah disarankan oleh doktor pakar bedah dan juga pakar onkologi untuk menjalani rawatan kemoterapi dahulu untuk mengecutkan barah tersebut sebelum menjalani pembedahan untuk membuang akar-akar barah yang terdapat di dalam payudara kanannya.

Sebulan selepas didiagnos dengan kanser, Soraya Chung memulakan rawatan kemoterapi pada bulan Julai 2021 di Pantai

Jerudong Specialist Centre (PJSC) yang dilakukan mengikut kitaran (*cycle*) dan jenis ubat kemoterapi yang diberikan. Proses kemoterapi adalah sama seperti mendapatkan *drip* yang mengambil masa tiga ke empat jam pada satu masa tertakluk kepada berapa jenis ubat termasuk flushing.

Pada bulan Mac 2022, beliau menjalani pembedahan di Hospital RIPAS. Pembedahan berjalan selama dua jam dan kembali sedar sepenuhnya lima jam selepas kembali ke wad yang ditempatkan. Malangnya selepas menjalani pembedahan beliau dijangkiti COVID-19 namun tetap bersyukur kerana pembedahannya berjalan dengan lancar dan kelenjar / nodus limfa (*lymph nodes*) beliau adalah negatif, bermakna tidak ada sebarang kanser yang merebak ke kelenjar / nodus limfanya.

## Cabar, kesukaran yang dihadapi

Sepanjang menerima rawatan, cabaran paling menyakitkan jelas Soraya adalah dalam mengatasi kesan sampingan (*side effects*) daripada ubat kemoterapi seperti loya, muntah-muntah, gastrik, cirit-birit, sembelit, buasir, perubahan rasa lidah (kadang-kadang terasa terlalu manis, tawar, pedas), kuku dan lidah yang menghitam, rasa panas, kulit kering, haid terhenti, sel darah putih yang rendah, rambut gugur dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, kesemua cabaran dan kesakitan yang dihadapi ini mempunyai penyelesaian dan pengakhiran yang baik seperti mana firman Allah Subhanahu Wata'alaa dalam Surah Al-Insyirah, ayat 5 hingga ayat 6 yang bermaksud : "Sesungguhnya tiap-tiap kesukaran itu disertai kemudahan. Sesungguhnya tiap-tiap kesukaran itu disertai kemudahan".

## Saranan kepada para pejuang kanser

Soraya Chung melahirkan rasa amat bersyukur kerana mempunyai sistem sokongan yang kuat daripada suami serta keluarga dan juga mempunyai ketua dan rakan sekerja yang memahami kerana ia banyak membantu semasa dalam fasa rawatan dan fasa pemulihan (*recovery period*).

"Seperti yang kita maklum, kos rawatan dan perubatan bagi pesakit kanser amatlah tinggi. Oleh itu, saya berasa

sangat bertuah menjadi rakyat Negara Brunei Darussalam kerana kesemua kos-kos ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, saya juga berterima kasih kepada doktor-doktor dan kakitangan perubatan di Hospital RIPAS dan PJSC atas keprihatinan diberikan dalam memberikan perkhidmatan dan rawatan yang terbaik," terangnya.

Dalam pada itu, beliau turut menyarankan agar orang ramai, baik perempuan maupun lelaki, untuk menjalani pemeriksaan berkala ke atas dada / payudara secara sendiri ataupun melalui klinik dan hospital seperti membuat perjanjian Mammogram. Jika terdapat sebarang keganjilan atau simptom-simptom lain di dada / payudara, sila buat pemeriksaan dengan segera agar ia dapat ditangani secepatnya sebelum kanser merebak. Dengan izin Allah Subhanahu Wata'alaa, kadar *survival* adalah lebih tinggi jika kita mendapatinya di peringkat awal dan ingatlah selalu bahawa anak-anak, ahli keluarga dan orang-orang tersayang bergantung kepada kita.

Adalah diharapkan dengan adanya perkongsian buku yang menceritakan perkongsian juga pengalaman yang dicurahkan di sini dalam menjalani rawatan kemoterapi berserta kesan sampingannya akan dapat memberikan persediaan awal bagi mereka dalam mengatasinya, secara fizikal dan mental, jika iaanya berlaku kepada mereka.

Yang penting, ia juga adalah untuk memberikan harapan kepada mereka bahawa kematian tidak semestinya terjadi apabila didiagnos dengan kanser selagi mana kita mahu melawannya dengan menjalani rawatan kemoterapi dan / atau pembedahan, insyaaAllah.

Secara umumnya, semakin awal barah itu dirawat, semakin tinggi peluang pesakit untuk sembuh. Kawal pemakanan dan amalkan ubat yang mengandungi khasiat anti kanser mampu meningkatkan lagi peluang untuk pesakit sembuh sepenuhnya daripada penyakit yang boleh membawa maut ini. Semakin lambat tindakan diambil akan menyebabkan semakin jauh sel kanser boleh merebak, dan apabila sudah mencapai tahap ini, sudah tidak banyak yang boleh diusahakan lagi.

# KEBURUKAN KANAK-KANAK YANG SUKA MAKAN MANIS:

1. GIGI ROSAK
2. OBESITI
3. MASALAH KENCING MANIS
4. MASALAH KESIHATAN JANTUNG
5. MASALAH TINGKAH LAKU DAN TUMPUAN
6. KEHILANGAN SELERA MAKAN UNTUK MAKANAN SIHAT
7. KESAN KEPADA IMUNITI ANAK-ANAK



## Latih anak kurangkan makan manis

Oleh : Norliah Md. Zain

Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

**P**EMAKANAN yang betul memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak. Tabiat pemakanan yang sihat harus bermula sejak kecil, misalnya mencegah pengambilan gula berlebihan dalam kalangan kanak-kanak.

Dalam keadaan dunia sekarang ini, makanan segera dan diproses lebih mudah didapati. Oleh itu, usaha untuk mencegah pengambilan gula berlebihan ini sememangnya menghadapi cabaran.

Tidak dinafikan, kanak-kanak suka makanan manis seperti gula-gula mahupun makanan ringan yang berperisa manis dan ia memang kesukaan mereka. Mereka tidak lupa akan rasanya, yang mana sekali makan, pasti mahu lagi. Malah ada juga menjadikannya sebagai bekal ke sekolah kerana ia mudah untuk disediakan.

Antara keburukan kanak-kanak yang suka makan manis ialah :

### 1. Gigi rosak

Makanan manis, terutamanya yang mengandungi gula, boleh menyebabkan pembentukan plak pada gigi. Plak ini mengandungi bakteria yang memakan gula dan menghasilkan asid yang merosakkan enamel gigi, menyebabkan gigi reput atau karies. Anak mesti kurangkan makanan tinggi gula jika mahu mendapatkan gigi yang cantik.

### 2. Obesiti

Pengambilan gula berlebihan boleh menyumbang kepada peningkatan berat badan yang tidak sihat. Banyak konsumsi

gula membuatkan anak cepat lapar membuatkan anak kuat makan. Perlu diketahui juga gula tinggi dalam makanan manis mengandungi banyak kalori kosong tanpa khasiat pemakanan yang seimbang.

### 3. Penyakit Kencing Manis (Diabetes)

Pengambilan gula yang berlebihan dalam jangka panjang boleh memberi kesan negatif terhadap tahap gula darah. Ini boleh meningkatkan risiko kanak-kanak itu nanti menghidap diabetes pada usia yang masih muda ataupun mendapat Diabetes Jenis 2 (Type 2 Diabetes) apabila mereka dewasa.

### 4. Masalah kesihatan jantung

Makanan manis yang tinggi dalam gula boleh meningkatkan tahap 'colesterol jahat' (LDL) dalam darah, yang boleh menyumbang kepada peningkatan risiko penyakit jantung di kemudian hari.

### 5. Masalah tingkah laku dan tumpuan

Pengambilan gula yang tinggi boleh menyebabkan kanak-kanak merasa cemas, mudah marah, dan sukar untuk fokus pada aktiviti mereka.

### 6. Kehilangan selera makan untuk makanan sihat

Inilah yang merisaukan apabila kanak-kanak yang terbiasa makan makanan manis cenderung untuk menolak makanan yang lebih berkhasiat seperti sayuran, buah-buahan dan protein. Ini boleh menyebabkan kekurangan nutrien penting dalam pemakanan harian mereka.

### 7. Kesan kepada imuniti

Pengambilan gula yang berlebihan boleh menjadikan sistem imun kanak-kanak,

menyebabkan mereka lebih mudah jatuh sakit kerana tubuh mereka kurang berupaya untuk melawan jangkitan.

Oleh itu, adalah penting untuk menggalakkan kanak-kanak mengamalkan pemakanan yang seimbang dan mengurangkan pengambilan makanan manis untuk kesihatan mereka.

Mengajar kanak-kanak tentang pemakanan sihat merupakan peluang untuk menyemai tabiat sepanjang hayat yang menggalakkan gaya hidup yang lebih sihat. Sedari kecil mereka patut diajarkan agar bijak memilih makanan yang sihat.

Sebagai ibu bapa mestilah menjadi teladan yang baik, pastikan makan secara sihat semasa bersama dengan anak-anak. Ajar anak awda memahami label pemakanan dan mengenal pasti bahan penting. Ini akan membantu mereka mengetahui kandungan makanan mereka dan membolehkan mereka membuat pilihan yang betul. Selain itu jadikan waktu makan menyeronokkan dan berbual sambil mengelakkan sebarang bentuk pertengkaran.

Menawarkan pelbagai pilihan makanan sihat seperti buah-buahan, sayur-sayuran, bijirin penuh, protein tanpa lemak dan produk tenusu rendah lemak, boleh membantu mereka membentuk minat terhadap makanan sihat yang berbeza dan mengelak daripada menggemari pilihan yang tidak sihat.

Selain itu, elakkan menggunakan makanan yang tidak sihat sebagai ganjaran. Ramai ibu bapa menggunakan makanan yang tidak sihat sebagai ganjaran untuk tingkah laku yang baik atau menahan

makanan tertentu sebagai hukuman. Namun, cara ini boleh menjadikan tabiat pemakanan sihat yang kita cuba pupuk pada anak dan mungkin menimbulkan gangguan pemakanan apabila dewasa.

Menggunakan pelbagai jenis keropok sebagai *goodies* kepada anak-anak pada majlis-majlis tertentu juga sebaiknya dielakkan dan diganti dengan air botol, air kotak tanpa pewarna dan perisa tambahan serta beberapa makanan sihat lainnya seperti buah-buahan segar, kek buah tanpa gula, jelai buah-buahan yang tidak dicampur dengan pelbagai perisa tambahan. Gunakanlah kreativiti awda ketika membuat pembungkusan bagi menarik minat kanak-kanak.

Jika berasa lemah menyediakan *goodies* berupa makanan seperti ini, boleh juga diganti dengan beberapa alat tulis yang kini banyak dijual di pasar raya pada harga yang berpatutan.

Galakkan pengambilan air yang mencukupi untuk kekal terhidrat sepanjang hari. Mereka mesti diberitahu bahawa air manis itu bukan pilihan yang sihat.

Jika anak-anak memang dibiasakan untuk tidak memakan makanan manis sedar kecil, mereka agak mudah menerima makanan pelbagai rasa. Usaha ini merupakan satu pelaburan jangka panjang kepada anak-anak demi penjagaan kesihatan mereka yang berpanjangan. Bagi anak-anak yang memang membawa bekal ke sekolah, sebaiknya sediakan untuk mereka makanan sihat seperti sandwich sihat dan buah-buahan.

## AJAR KANAK-KANAK AGAR BIJAK MEMILIH MAKANAN YANG SIHAT.

**IBU BAPA MESTI JADI TELADAN YANG BAIK DENGAN MEMASTIKAN MAKAN SECARA SIHAT SEMASA BERSAMA ANAK-ANAK.**

**ELAKKAN MENGGUNAKAN MAKANAN TIDAK SIHAT SEBAGAI GANJARAN.**

**GALAKKAN PENGAMBILAN AIR YANG MENCUKUPI UNTUK KEKAL TERHYDRAT.**



# CHARITY CAR BOOT SALE BANTU KUMPUL DANA UNTUK BDNAB



PIHAK Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) menganjurkan Charity Car Boot Sale di kawasan pekarangan Pejabat AITI di Kampung Anggerek Desa (atas dan atas kanan).

**Siaran Akhbar dan Foto :** Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam

**ANGGEREK DESA,** Isnin, 6 Januari. - Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) menganjurkan Charity Car Boot Sale di kawasan pekarangan Pejabat AITI di Kampung Anggerek Desa, baru-baru ini.

Objektif acara berkenaan adalah untuk mengumpul dana bagi menyokong Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNAB) untuk

menghasilkan buku teks Braille bagi komuniti yang mengalami masalah penglihatan.

Sebanyak 20 vendor menyertai acara amal berkenaan yang terdiri daripada vendor tempatan dan kakitangan AITI yang menjual pelbagai jenis makanan, minuman, buku, mainan dan pakaian.

Peti sumbangan fizikal juga turut diletakkan di pelbagai tempat di dalam premis berkenaan, dan para pengunjung dialu-alukan

untuk menyumbang kepada persatuan berkenaan.

Lebih BND1,700 dikutip daripada acara berkenaan, dan sumbangan akan diserahkan kepada BDNAB.

Acara berkenaan merupakan jualan Charity Car Boot Sale kali kedua dianjurkan oleh AITI sebagai salah satu aktiviti tanggungjawab sosial korporat AITI dalam memberi bantuan kepada masyarakat dan memupuk empati dalam kalangan warga kerja AITI terhadap orang lain, khususnya mereka yang kurang bernasib baik.

**JANGAN MUDAH MENYALAKAN LAMPU AMARAN BAHAYA (HAZARD LIGHTS)**

Awda perlu ketahui bahawa ia hanya boleh dinyalakan dan digunakan atas sebab-sebab kecemasan

 bruneiweather  @brunei.weather  Weather Line 114  www.met.gov.bn



# ALAI PINTAR

SOALAN 140

SOALAN 8 JANUARI 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Air telaga itu telah tercemar. Apakah kata sinonim bagi telaga?
  - a) Perigi
  - b) Sungai
  - c) Tasik
2. 5 hari bersamaan dengan \_\_\_\_\_ jam.
  - a) 120 jam
  - b) 60 jam
  - c) 240 jam
3. Minta \_\_\_\_\_ sebelum meminjam barang orang.
  - a) izin
  - b) makanan
  - c) wang

TARIKH TUTUP : 18 JANUARI 2025

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.  
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

### PEMENANG ALAI PINTAR 139 :

Nama : Vienna Kwong Pei Jia  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 018408-13. Sekolah : Sekolah Chung Ching, Seria  
Nama : Mohammad Danish bin Ridwan  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0118006. Sekolah : Sekolah Rendah Tutong Kem  
Nama : Nursyuhairah binti Md. Suhardilah  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0139751-01. Sekolah : Sekolah Rendah IQRA

### SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
  - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 8945310 atau emel ke [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....  
Tarikh Lahir : .....  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....  
Sekolah : .....  
Tahun : .....  
Alamat : .....

Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 139

1. C – Kotor
2. B – Daerah Temburong
3. A – Melayu Islam Beraja

# MENDALAMI PENYELIDIKAN, AMALAN PERTANIAN MODEN



■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**SARAWAK**, Isnin, 6 Januari. - Program Outbound ke Universiti Putra Malaysia, Kampus Bintulu, Sarawak (UPMKB) anjuran Fakulti Pertanian, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diadakan pada 1 hingga 4 Januari 2025. Program

Outbound berkenaan dinamakan Global Interaction (GLINT) UNISSA-UPMKB 2025.

Seramai 17 pelajar Fakulti Pertanian dari tahun satu hingga tahun empat yang mengikuti bidang Agribisnis dan

Agroteknologi terlibat dalam program berkenaan. Rombongan berkenaan diiringi oleh dua Pensyarah UNISSA, iaitu Timbalan Dekan Fakulti Pertanian, Dr. Nur Thaqifah Salihah binti Haji Mohd. Salleh dan Ketua Program Sarjana Muda, Fakulti Pertanian, Dr. Syahirah binti Haji Shahlehi.

Program Outbound berkenaan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai pendekatan akademik, penyelidikan dan amalan pertanian moden yang dijalankan di UPMKB.

Sepanjang program, para pelajar berpeluang mengadakan

ANTARA pelajar Fakulti Pertanian yang mengikuti bidang Agribisnis dan Agroteknologi yang menyertai Program Outbound ke Universiti Putra Malaysia, Kampus Bintulu, Sarawak (UPMKB) anjuran Fakulti Pertanian, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

sesi perbincangan, menghadiri taklimat akademik serta melawat fasiliti-fasiliti pertanian seperti lawatan di dalam Kampus UPMKB, lawatan ke taman rusa, hortikultur, kolam ikan serta lawatan penanda aras di Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan.

Program Outbound berkenaan diharap dapat memperkuuh dan mengekalkan hubungan akademik di antara kedua-dua institusi. Program berkenaan juga diharap dapat memberi pengalaman dan ilmu pengetahuan tentang kelestarian pertanian serta menggalakkan semangat inovasi dan keusahawanan dalam bidang pertanian.

## Bidang tatarias sebagai sumber pendapatan sampingan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Ihsan Groom by Zayn Sofian



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 6 Januari. - Berpengalaman dalam bidang tatarias pengantin lelaki sejak 2009, Awang Zayn Sofian iaitu Pengasas Groom by Zayn Sofian, mengimbau perjalanan awalnya sebagai seorang penari.

Latar belakang seni yang dimilikinya membolehkannya belajar pelbagai kemahiran seperti

menghias, menapih sinjang dan memasang aksesori termasuk dastar.

Awang Zayn bermula sebagai juruhas terjun ketika anggota keluarga, termasuk abang-abang dan sepupu-sepupu beliau mengadakan Majlis Perkahwinan tanpa memanggil juruhas. Setelah memahami langkah-langkah dan

persediaan yang diperlukan, beliau memutuskan untuk menjadikannya sebagai sumber pendapatan sampingan.

"Alhamdulillah, rezeki yang Allah Subhanahu Wata'ala pinjamkan kepada saya dalam bidang ini membolehkan nama Groom by Zayn Sofian dikenali ramai," ujarnya dengan penuh rasa syukur.

Perkhidmatan yang ditawarkan meliputi menghias pengantin lelaki untuk pelbagai acara seperti Majlis Akad Nikah, Malam Berbedak dan Majlis Bersanding. Di samping itu, Awang Zayn juga menyediakan tatarias untuk acara hiburan seperti Majlis Makan Malam dan persembahan pentas serta sewaan pakaian songket dan aksesori untuk pengantin.

Kualiti adalah keutamaan Groom by Zayn Sofian kerana Awang Zayn berusaha memastikan hasil tatarias sentiasa memuaskan hati bakal pengantin.

"Banyak lelaki beranggapan jurusolek adalah hak wanita, namun saya menekankan bahawa solekan juga boleh tampak alami dan sesuai untuk lelaki," katanya lagi.

Awang Zayn juga turut menegaskan pentingnya hasil



AWANG Zayn Sofian iaitu Pengasas Groom by Zayn Sofian merupakan seorang juruhas bagi pengantin lelaki yang memiliki kebolehan menghias, menapih sinjang dan memasang aksesori termasuk dastar (atas dan kiri).

sebenar tanpa filter pada media sosial, serta memastikan warna kulit pengantin tetap selari dengan warna asal.

Pengalaman dan latar belakang juruhas di Groom by Zayn Sofian menjadikan mereka pilihan ideal untuk mencipta penampilan terbaik bagi pengantin lelaki.

Dengan kepakaran yang luas, juruhas berkenaan tidak segan berkongsi pelbagai tip berguna kepada pengantin mengenai cara berdiri, berjalan, duduk, dan cara yang betul untuk memegang keris.

Mereka juga turut memberikan

panduan mengenai kedudukan aksesori dan ketinggian dastar agar penampilan pengantin sentiasa tampak anggun dan sempurna.

Selain itu, sentuhan solekan dan tatarias yang profesional menambah keyakinan pengantin lelaki untuk tampil segak dan kemas sepanjang Majlis Perkahwinan.

Dengan bimbingan yang tepat dan dedikasi berkenaan, pengantin lelaki akan berasa lebih bersedia dan berkeyakinan untuk menghadapi hari istimewa mereka.



ePaper Pelita Brunei



## 74 SERTAI SIMULASI CABARAN PELARI



SERAMAI 74 peserta mengambil bahagian dalam Simulasi Cabaran Pelari yang diadakan di Brunei-Shell Recreational Club (BSRC), Seria yang dianjurkan oleh Demand4Fitness dengan kerjasama BSRC Running Club, Passionku, Larian Tanpa Batas dan Peakflowtape.bn.

**Berita dan Foto :** Ihsan Rosdiman Haji Awang Lakim

**SERIA**, Selasa, 7 Januari. - Seramai 74 peserta telah mengambil bahagian dalam Simulasi Cabaran Pelari yang diadakan di Brunei-Shell Recreational Club (BSRC), Seria, baru-baru ini.

Acara anjuran Demand4Fitness dengan

kerjasama BSRC Running Club, Passionku, Larian Tanpa Batas dan Peakflowtape.bn ini merupakan satu wadah bagi peminat sukan larian dalam memperkenalkan kedayaatahan fizikal dan semangat berpasukan. Para peserta telah menyelesaikan larian

berganti-ganti selama 60 minit sejauh 1 kilometer setiap pusingan.

Turut menyertai acara tersebut sebagai sebahagian daripada pasukan larian dan berjaya meraih kemenangan dalam Kategori Paling Santai adalah Presiden BSRC, Dayang Siti Azzahra binti Haji Hanafi.

Penjaga masa rasmi acara ini ialah Passionku, yang memastikan pemantauan dan penjejakan masa yang tepat sepanjang simulasi berlangsung. Simulasi ini bertujuan untuk mengumpulkan maklum balas dan menambah baik persiapan bagi acara utama Cabaran Pelari yang dijadualkan pada Julai 2025.

## Kasuka Ar Rawda terus pertahankan rekod tanpa kalah



ANTARA aksi perlawanan di antara Shah United menentang Kasuka Ar Rawda pada persaingan Brunei Elite Futsal League (BEFL) 2024/2025 yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

**BERAKAS**, Isnin, 6 Januari. - Pasukan Shah United terpaksa akur dengan kekalahan tipis setelah tewas kepada

Pasukan Kasuka Ar Rawda 8 - 7 pada persaingan Brunei Elite Futsal League (BEFL) 2024/2025 yang berlangsung

baru-baru ini di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Sepuh masa pertama menyaksikan Pasukan Kasuka Ar Rawda mendahului perlawanan pada awal minit pertama apabila Mohammad Reza Rahmania berjaya menggegarkan gawang Pasukan Shah United menjadikan kedudukan 1 - 0.

Kedudukan berubah menjadi 1 - 1 pada minit ke-13 apabila Shah United berhasil menyamakan perlawanan menerusi sepakan Faisol Muso.

Namun selang 4 minit kemudian, sepakan Mohammad Reza Rahmania menambah lagi jaringan kedua untuk kedudukan 2 - 1.

Gawang Pasukan Shah United digegarkan sekali lagi pada minit ke-19 apabila sepakan Haji Mohammad Fardi Farhan bin Affendi menambah gol bagi Kasuka Ar Rawda menjadikan 3 - 1.

Peminat sukan futsal yang memenuhi tempat perlawanan terus dihidangkan dengan aksi-aksi menarik dari kedua-dua buah pasukan dalam usaha mencari jaringan.

Mohammad Reza Rahmania terus menghadiahkan gol pada minit ke-22 merubah kedudukan menjadi 4 - 1.

Setelah ketinggalan jaringan, Pasukan

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

Shah United mula bangkit mencari ruang untuk menambah gol melalui sepakan Ridwan Awaebuesa pada minit ke-25 dan dua gol daripada Muhammad Fithrahul Rahman bin Ratano pada minit ke-26 dan 27 dan satu gol melalui jaringan Pengiran Muhd Jamil bin Pengiran Haji Jaludin juga pada minit ke-27 menjadikan kedudukan 4 - 5.

Sepakan Mohammad Nor Azizam bin Roslan dari Kasuka Ar Rawda pada minit ke-27 berjaya menyamakan kedudukan 5 - 5, namun berubah 5 - 6 pada minit ke-30 melalui jaringan Ridwan Awaebuesa.

Drama berbalas jaringan terus menggamatkan perlawanan menerusi jaringan Mohammad Reza Rahmania, Mohd Abi Syarilizam bin Sabtu dan Abdul Azim bin Boll Hassan pada minit ke-31, 34 dan 35, menyaksikan sentuhan terbaik Kasuka Ar Rawda.

Ketinggalan 8 - 6, Shah United terus berusaha untuk menambah lagi jaringan sebelum tamat perlawanan tetapi hanya mampu menambah satu gol melalui sepakan Faisal Muso pada minit ke-39 sekali gus menjadikan kedudukan 8 - 7.

Kejayaan itu menyaksikan Pasukan Kasuka Ar Rawda mencatat rekod bersih tanpa kalah untuk berada di puncak liga.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

ZIKIR ADALAH PENGGILAP, PENYUCI HATI